

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

PENGGAL KEDUA

Second Session

Jilid II

Bil. 1

Hari Isnin

28hb Mac, 1988

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan Hasan bin Harun

Y.B. Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah

(Ruangan 1)

PEHASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan DYMM Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong

(Ruangan 1)

Mengangkat Sumpah (di luar Dewan):

Y.B. Pandikar Amin bia Haji Mulia

Y.B. Dr. Choag Eng Leoag

(Ruangan 2)

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru

(Ruangan 2)

Memperkenankan Akta-akta

(Ruangan 3)

Perutusan daripada Dewan Rakyat

(Ruangan 4)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan 5)

JAWAPAN-JAWAPAH MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 6)

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen

(Ruangan 41)

Jawatankuasa Pemilih - Lantikan Ahli-ahli

(Ruangan 42)

Ucapan Terima Kasih kepada DYMM Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong - Y.B. Tuan Haji Abu Bakar bin
Lajim

(Ruangan 4)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin , 28hb Mac , 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Hasan bin Harun [Tepuk]

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah [Tepuk]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**Titah Ucapan D.T.N.M. Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacita-nya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi 7hb Mac , 1,988 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen.

Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi Parlimen.

[TEKS TITAH UCAPAN D.Y.M.M. DIEDARKAN]

MENGANGKAT SUMPAH (DI LUAR DEWAN)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mailis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat .Sumpah-di hadapan saya pada tarikh yang dinyatakan mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:

7hb Mac, 1988

Pandikar Amin-bin Haji Mulia

Dr. Chong Eng Leong

MENGALU-ALURAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang; di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengangkat Sumpah di hadapan saya pada tarikh yang dinyatakan tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dipilih. itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dah semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya .

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan dalam Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1988;
2. Akta Kewangan 1987;
3. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1987;
4. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987;
5. Akta Polis (Pindaan) 1987;
6. Akta Penyiaran 1988;
7. Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988;
8. Akta Arkitek (Pindaan) H88;
9. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan);
10. Akta Pemberipinjam Wang (Pindaan) 1988;
11. Akta Pemberipinjam Wang (Sabah) (Pindaan) 1988;
12. Akta Pemberipinjam Wang (Sarawak) (Pindaan) 1988;
13. Akta Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1988;
14. Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1988;
15. Akta Perindustrian Nanas (Pindaan) 1988;
16. Akta Persatuan Nelayan (Pindaan) 1988;
17. Akta Racun (Pindaan) 1988;
18. Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1988; dan
19. Akta Perlindungan Hidupan Liar (Pindaan) 1988.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan terutusan)

"25hb Mac, 1988

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987);
2. Rang Undang-undang (Pembahagian) Pusaka Kecil (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakkan Harta);
7. Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba;
8. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia, Insurans dan Takaful (Pindaan); dan
9. Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan).

Yang ikhlas

t.t.

"YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor**]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987);
2. Rang Undang-undang (Pembahagian) Pusaka Kecil (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Letnbaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan);
4. Rang Undang-undaug Perbelembagaan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Dadah Bebahaya (Perlucuthakan Harta);
7. Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba ;
8. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia, Insurans mati Takaful (Pindaan); dan
9. Rang Undang-undang Pemaju Perumahan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah .

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN

AHLI-AHLI PERPUSTAKAAN NEGARA

I. **Tuan Azumu bin Haji Tak** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (i) jumlah ahli-ahli Perpustakaan Negara mengikut kategori :
 - (a) Ahli-ahli Dewasa;
 - (b) Penuntut-peuuritut;
- (ii.) mengikut hitung panjang, berapakah jumlah buku dipinjam pada tiap-tiap bulan; dan
- (iii) adakah ahli-ahli yang merosakkan buku-buku tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian dan Kebudayaan Pelancongan

[Tuan Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah ahli-ahli berdaftar mengikut kat:egori adalah seperti berikut.:

- (i)
 - (a) Ahli-ahli dewasa 1,108 orang.
 - (b) Ahli kanak-kanak 46 ,938 orang.

Jumlah: 148 ,046 orang .

Daripada jumlah ini, lebih kurang 60% adalah penuntut-penuntiut.

- (ii) jumlah buku-buku yang dipinjam tiap-tiap bulan secara purat:a adalah 39,500 naskah buku.
- (iii) memang terdapat segelintir ahli-ahli Perpustakaan yang meosakkan buku-buku yang dipinjam. Mereka yang dikenalpasti, dikenakan denda mengikut harga huku yang dipinjam.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada meminjamkan buku-buku, adakah program-program lain untuk menggalakkan lebih ramai orang, terutama pelajar-pelajar menggunakan kemudahan-kemudahan Perpustakaan Negara dan membaca, sempena Tahun Membaca?

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar terdapat langkah-langkah lain yang diambil oleh Perpustakaan Negara bagi menggalakkan peminat-peminat serta orangramai untuk membaca buku. Umpamanya, pihak Perpustakaan Negara juga telah mengadakan cawangan-cawangan seperti di Gombak, Sentul, Bandar Tun Razak dan Labuan. Selain daripada itu, Perpustakaan Negara mengadakan pusat-pusat kelompok dan melalui bas bergerak di sekeliling Wilayah Persekutuan dan juga menggalakkau ahli-ahli sekiranya mereka mahu meminjam melalui pos.

LAWATAN PERDANA MENTEI KE THAILAND DAN BURMA

2. Tuan Haji Jaafar bin Haron minta Menteri Luar Negeri menjelaskan apakah prestasi yang dicapai tentang hubungan dua hala dalam lawatan Perdana Menteri ke Thailand dan Burma baru-baru ini, dalam lapangan politik, perdagangan, ekonomi dan sosial.

Timbalan Menteri Luar Negeri [**Toh Muda Dr. Abdullah bin Che' Wan**] : Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat: Perdana Menteri ke Thailand dan Burma baru-baru ini adalah berjaya dalam konteks meningkatkan hubungan kerjasama duahala dan hubungan peribadi di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin di kedua buah negara. Lawatan tersebut juga telah memberi peluang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Thailand dan di Burma pula merupakan lawatan Yang Amat Berhormat yang pertama dalam usaha untuk memperbaharui persahabatan lama.

Dalam konteks kerjasama politik kedua-dua negara bersetuju bahawa tidak terdapat perbezaan pendapat dengan Malaysia dalam isu-isu serantau dan antarabangsa. Lawatan tersebut telah dapat mempereratkan lagi persefahaman dan hubungan duahala di antara Malaysia dengan Thailand dan Burma.

Di samping itu, lawatan tersebut telah dapat mencapai persefahaman di dalam bidang perdagangan dan ekonomi. Kedua negara Thailand dan Burma telah bersetuju pada dasarnya untuk manpertingkatkan lagi kegiatan-kegiatan kerjasama yang berorientasikan perdagangan dan ekonomi. Di antara kegiatan perdagangan dan ekonomi yang dipersetujui dengan Thailand adalah kerjasama pelancongan, kerjasama dalam perusahaan automotif, import minyak kelapa sawit Malaysia dan kerjasama kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (JDA),

Di Burma, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merangsangkan lagi aktiviti perdagangan dan ekonomi dan telah dapat mengenal pasti bidang-bidang kerjasama khusus yang boleh dipertingkatkan lagi seperti cadangan mengadakan penerbangan terus di antara Malaysia dan Burma dan mengadakan pembelian beras dari Burma.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berkesempatan membincangkan kerjasama sosial seperti masalah-masalah dan langkah-langkah yang diambil untuk membanteras penyalahgunaan dadah di kedua-dua negara.

TABUNG HAJI - PERKHIDMATAN DARI PINTU KE PINTU

3. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Perdana Menteri menyatakan adakah Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan memperkenalkan "Perkhidmatan Dari Pintu ke Pintu" kepada bakal-bakal haji pada masa akan datang. Dalam perkhidmatan ini, Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan mengambil bakal-bakal haji daripada rumah mereka untuk dibawa ke kompleks Kelana Jaya. Bakal-bakal Haji tersebut akan diantar pulang ke rumah mereka apabila selamat kembali ke tanahair daripada Tanah Suci Makkah dan dikenakan bayaran yang berpatutan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk memperkenalkan perkhidmatan dari pintu ke pintu adalah merupakan satu cadangan yang baru-bahkan Tabung Haji perlu membuat kajian-kajian yang lebih mendalam berkenaan dengan saranan itu sebelum apa-apa keputusan dapat dibuat berkaitan dengannya.

Kajian yang akan dilakukan adalah mengambil berat tentang perkara-perkara berikut:-

- (1) Setakat mana perkhidmatan dari pintu ke pintu dapat dilakukan kerana lazimnya jemaah haji pergi ke lapanganterbang dan balik akan ditemani oleh kaum keluarga dan jiran tetangga;

- (2) Kemudahan logistik pengangkutan yang ada dan diperlukan bagi mengenalikan perkhidmatan ini serta kosnya; dan
- (3) Kakitangan yang diperlukan untuk mengendalikan perkhidmatan ini kerana pada waktu berkenaan ramai kakitangan Tabung Haji akan berada di Tanah Suci Makkah.

PASAR TANI - KEJAYAAN DICAPAI

4. **Tuan Haji, Shaharom bin Haji Maasom** mintia Menteri Pertanian menyatakan sehingga 31hb Disember, 1987 berapa jumlah pasar tani di seluruh negara, dan kejayaan yang dicapai oleh para petani dari jumlah kos jual beli. Berapa jumlah pasar tani yang akan dibuka dan di mana di tahun ini.

Tinbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31hb Dtsemp r, 1987 sehanyak 54 buah pasar tani telah berjaya diwujudkan di seluruh negara.

Nilai jualan terkumpul sepanjang tahun 1987 adalah sebanyak \$21.7 juta. Berdasarkan kepada anggaran 30% keuntungan dari nilai jualan tersebut, purata 2,049 orang petani yang menyertai pasar tani dianggarkan telah berjaya memperolehi keuntungan sebanyak \$6.5 juta.

Pada tahun ini Lembaga bercadang akan membuka 20 buah lagi pasar tani seperti berikut:-

Negeri	Kawasan yang dicadangkan
1. Kedah	Tunjang
	Langkawi
2. Pulau Pinang	Bayan Baru
3. Perak.	Parit Buntar
	Medan Gopeng
4. Wilayah Persekutuan	Bandar Tmn Abd. Razak
5. Selangor	Ampang
	Serdang
	Damansara
6. Melaka	Alor Gajah
7. Johor	Batu Pahat
	Pontian
	Kota Tinggi
8. Pahang	Raub
	Bentong
9. Terengganu	Gong Badak
	Marang
10. Kelantan	Kota Bharu
	Tanah Merah
11. Sarawak	Kuching

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom :Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dairipada Yang Berhormat.- Timbalan Menteri. Adakah pasar tani ini merupakan pasar tertutup kerana sekarang ini mereka yang mengambil bahagian dalam pasar tani seolah-oleh telah diberi tiket untuk selama-lamanya hanya 'A' sahaja yang boleh berjual di situ sedangkan petani-petani yang lain menengok sudah ada kemajuan di pasar tani cuba hendak mengambil

bahagian di situ tidak dapat peluang terutama sekali di kawasan-kawasan yang telah ada pasar tani sekarang ini sambutan daripada petani-petani hendak turut serta cukup menggalakkan tetapi tiket untuk menentukan lot tempat bermiaga itu sudah terhad. Adakah ini merupakan pasar tani tertutup?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai dasar untuk melaksanakan pasar tani secara tertutup. Kita memberi peluang seluas-luasnya kepada petani-petani kita untuk mengambil bahagian atau menyertai pasar tani ini. Pendek kata, pada masa ini pasar tani akan dapat diperluaskan lagi dari segi kekerapanya dan lokasinya di setiap daerah untuk memberi peluang yang seluas-luasnya kepada petani-petani kita.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kementerian bercadang untuk meluaskan kegiatan pasar tani dengan menolong memasarkan hasil tani keluar negeri atau mambeli untuk diproses terus bagi tujuan yang sama?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pasar tani merupakan pasar jualan barang-barang petani-petani, dan pihak FAMA cuba juga sedaya upaya untuk memasarkan barang-barang at:aupun keperluan-keperluan yang dituntut oleh negara asing seumpama belimbing besi, pisang emas, betik exotika dan lain-lain ke negara-negara yang berkenaan seumpama riegar-negara Eropah. Pada hari tni Alhamdulillah, MAS sanggup menambahkan ruang kargonya ke Eropah dan kita berharap dengan usaha yang semacam ini maka peluang petani kita akan lebih terbuka luas.

Cik Norani binti Haji Beluah: Tuan Yang di-Pertua , soalan tambahan. Saya ingin meudapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian daripada pasar tani yang telah dibuka dan yang akan dibuka di seluruh negara kenapakah pasar tani ini tidak diadakan pada hari cuti minggu seperti. Hari Ahad di sebelah pantai barat dan Jumaat di sebelah pantai timur kerana jika diadakan pada hari tersebut boleh memudahkan kepada orang ramai keluar ke pasar untuk membeli barang-barang keperluan rnereka?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pasar tani ini dibuka pun pada hari Ahad dan jikalau perkara ini tidak selaras dengan jawapan saya, saya akan pertimbangkan kepada pengesyonan Yang Berhormat itu.

Tuan Mustafa bin Awang: Saya minta Timbalan Menteri yang berkenaan memberi jawapan apakah jualan jumlah kaset terutama sekali dari parti lawan di pasar tani ini termasuk dalam bahagian pertanian? [Ketawa]

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa jualan kaset yang merupakan salah satu daripada barang jualan. Apa yang dijual pada hari ini Yang Berhormat. sendiri-tulah, sayur-sayuran, buah-buahan, daging dan lain-lain lagi, tetapi tidak termasuk kaset Jadi, saya berharap Yang Berhormatlaporkan kepada pihak yang berkeaaan berhuhung dengan jualan kaset itu -di pasar tani.

Tuan Mustata bin Awang: Tuan Yaug di-Pertua, saya laporan segera , berlaku di pasar tani Kuala Terengganu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Terima kasih.

PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA ASEAN DI MANILA

5. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai perkembangan dari keputusan Persidangan Ketua-ketua Negara ASEAN yang berlangsung dalam bulan Disember 1987 bertempat di Manila , Filipina .

Toh Muda Dr . Abdullah Fadzil biri Che' Wan: Tuan .Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya -ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan ini di mana jelas menunjukkan minat Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini- mengenai perkembangan-perkembangan serantau ASEAN yang sememangnya menjadi ialah satu teras dasar luar negara kita .

Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Ketua-Ketua negara ASEAN yang berlangsung di Manila-pada 14 -15hb Disember , .1987 yang lalu merupakan persidangan Ketigaseumpamanyadan,telahmemberiertyang besar di dalam konteks Kerjasama ASEAN. di dalam berbagai-bagai bidang.

Pencapaian yang ketara sekali ialah kesungguhan serta keyakinan ketua-ketua negara ASEAN tentang pentingnya ASEAN memperkuuhkan azam untuk' meningkat.kan"tahap 'kerjasama yang 'telah dijalan sejak 20 tahun tertubuhnya ASEAN.

Dalam usaha- untuk' mencapar tujuan' ini ketua-ketua negara ASEAN telah bersepakat untuk menggubal' satu strategi masa depan di mana semua tindakan-tindakan yang' akan diambil oleh ASEAN hendaklah berlandaskan kepada satu Program Bertindak. atanpun "Programme of Action", yang merangkumi semua bidang"kerjasama".ASEAN.

Malaysia dan rakan-rakan di dalam ASEAN berasa penuh yakin dengan kesungguhan yang padu serta kerjasama yang menggunakan sepenuhnya sumber-sumber tenaga yang ada supaya ASEAN akan dapat melipatgandakan pencapaiannya di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Ketua-ketua Negara ASEAN yang ketiga tersebut juga telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk mempertingkatkan kerjasama di bidang ekonomi ASEAN. Sehubungan dengan ini beberapa perjanjian dan juga pindaan kepada beberapa Perjanjian Ekonomi ASEAN telah ditandatangani seperti berikut:-

- (1) Perjanjian Asas yang dipinda berkenaan projek perindustrian usahasama ASEAN.
- (2) Protokol untuk memperbaiki, dengan izin, extention of tariff preferences under the ASEAN trading arrangements.
- (3) Memoranda persefahaman ke atas, dengan izin, standstill and rollback of non-tariff barriers;
- (4) Perjanjian untuk promosi dan perlindungan pelaburan.

Dengan adanya perjanjian-perjanjian ini, Malaysia yakin bahawa ruang untuk kerjasama yang lebih berkesan dan menguntungkan kepada semua negara-negara ASEAN akan dapat diwujudkan di masa-masa yang akan datang.

KELAS TADIKA KEMAS DI BALAI RAYA

6. Cik Norani binti Haji Beluah minta Menteri Pembangunan negara dan Luar Bandar menyatakan buat masa ini pihak KEMAS kebanyakannya mengadakan Kelas-kelas TADIKA di Balai-balai Raya. Lanya tidak begitu sesuai kerana Balai Raya seringkali digunakan oleh orang ramai dan lain-lain pertubuhan dan persatuan; adakah pihak Kementerian akan mendirikan bangunan sendiri bagi kemudahan pihak KEMAS mengadakan Kelas Tadika dalam usaha uatuk memberi bimbingan dan pelajaran kepada semua kaum di negara ini.

Tuan Abdul Raman bia Suliman: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Adalah tidak begitu tepat jika dikatakan penggunaan Balai Raya menimbulkan kesukaran kepada orangramai dan lain-lain pertubuhan memandangkan penggunaan Balai Raya di satu-satu kawasan itu telah dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin di satu kawasan berkenaan bagi tujuan penggunaan untuk TADIKA KEMAS.

Oleh yang demikian, pihak KEMAS tidak bercadang membina bangunan kelas-kelas TBK disebabkan tiada peruntukan untuk membuat bangunan TBK dan menghadapi masalah untuk mendapatkan tapak TBK. Mengikut konsep pembangunan masyarakat yang diikuti sekarang, masyarakat terpaksa melibatkan diri dengan menyediakan terapat untuk dijadikan Kelas TBK, Pihak Kemas akan mengadakan guru dan kelengkapan TBK.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, kenapakah beliau menjawab bagi pihak Kententerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedangkan Kementerian berkenaan ada mempunyai Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

KADAR TOL - MENURUNKAN

7. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kementerian Kerjaraya akan menurunkan bayaran Tol Lebuhraya yang mana lebih karang 1 kilometer 5 sen ini adalah satu kadar yang tinggi untuk dibayar terutamanya kepada teksi, memandangkan lebuhraya ini adalah satu jalan yang kekal dan Kerajaan boleh mengutip dengan masa yang lama, kemungkinan juga dengan harga yang rendah akan banyak lagi kenderaan yang melalui lebuhraya di seluruh negara.

Menteri Kerjaraya [Dato S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan kadar bayaran tol yang dikenakan ke atas lebuhraya tol yang ada sekarang. Kadar bayaran tol 5 sen sekilometer yang dikenakan ke atas kenderaan yang mempunyai dua ganda dengan tiga atau empat roda iaitu motokar saloon biasa di bawah sistem tol tertutup adalah tidak begitu tinggi dan didapati berpatutan.

Bagi kenderaan yang diiktirafkan sebagai. teksi. adalah dikenakan kadar bayaran tol yang lebih rendah iaitu sebanyak 2.5 sen sekilometer sahaja dan bukannya 5 sen sekilometer sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tol 5 sen sekilometer yang dikenakan ke atas kereta adalah rendah jika dibandingkan dengan beban kos pembinaan yang sangat besar yang perlu ditanggung. Dengan kadar tol tersebut Lembaga Lebuhraya Malaysia masih tidak dapat menampung kos penyeleggaraan dan juga peagurusan lebuhraya.

Di samping itu Lembaga Lebuhraya Malaysia juga perlu menjelaskan kadar faedah dan pokok ke atas lanjutan pinjaman yang telah dibuat bagi membina lebuhraya—lebuhraya tersebut.

Oleh itu saya berpendapat bahawa kadar tol tersebut tidak membebankan pengguna-pengguna kerana faedah yang diterima oleh pengguna-pengguna melebihi dari apa yang dibayar seperti penjimatan raasa perjalanan, keselesaan dan juga keselamatan yang mana perkara-perkara itu merupakan ciri-ciri utama bagi lebuhraya tol. Mengikut perangkaan yang telah dibuat, pengguna-pengguna lebuhraya sentiasa bertambah setiap bulan.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kerjaraya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia bercadang menentukan satu jangka waktu yang mana tol-tol itu akan diberhentikan atau setelah mendapat pulangan modal daripada pungutan tol ini?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa-apa cadangan untuk memberhentikan kutipan tol tetapi ada juga cadangan untuk mengutip kadar tol yang lebih tinggi pada masa yang akan datang [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua: Oleh itu jangan tambah pertanyaan, nanti tambah tol.

SISWAZAH MENGANGGUR - LANGKAH MENGATASI

8. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kadar pengangguran di kalangan siswazah akan terus meningkat dalam masa 4 atau 5 tahun yang akan datang dan apakah usaha-usaha yang telah dibuat bagi menghadapi masalah ini .

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini keadaan ekonomi negara telahpun beransur pulih. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat dari 1.2% dalam tahun 1986 kepada 4.7% dalam tahun 1987 dan adalah dianggarkan pada tahun ini ianya dijangkakan terus meningkat. Jika sekiraaya pemulihan ini berterusan dan berkekalan dalam 4 atau 5 tahun yang akan datang adalah dijangkakan prospek gunatenaga termasuk gunatenaga di kalangan siswasah adalah lebih cerah memandangkan bahawa keupayaan negara mewujudkan peluang-peluang pekerjaan sangat bergantung kepada pertumbuhan ekonomi yang kukuh.

Walau bagaimanapun, keadaan ini banyak bergantung kepada inisiatif dan kesanggupan para siswazah untuk menceburkan diri dalam, sektor-sektor perniagaan dan perkhidmatan yang dijangkakan mempunyai potensi untuk berkembang.

Menyedari keadaan ini Kerajaan telahpun mengambil, beberapa langkah yang positif untuk membantu dan menyediakan. siswazah-siswazah menceburkan diri dalam sektor-sektor berkenaan. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah adalah seperti berikut:-

- (i) menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai masalah siswazah menganggur;
- (ii) melaksanakan program skim latihan khas;
- (iii) skim penempatan di syarikat-syarikat swasta;
- (iv) skim siswazah tani;
- (v) skim penyaluran ke syarikat-syarikat swasta; dan
- (vi) skim khidmat sambilan siswazah,

Perkara-perkara ini telahpun banyak kali dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali pemimpin-pemimpiri negara telahpun mencadangkan bahawa untuk mengurangkan pengangguran siswazah, Kerajaan telah merancangkan satu skim siswazah tani. Apakah kemajuannya, dan adakah siswazah-siswazah yang menganggur dapat menerima rancangan ini?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, dalam prugram ini telah didapati seramal 380 orang telahpun mendaftarkan diri untuk menjadi atau menceburkan diri dalam bidang siswazah tani ini dan 118 daripada mereka telahpun berjaya di dalam bidang pertanian ini» Adalah dijangkakan bahawa lebih ramai para siswazah akan dapat menceburkan diri dalam bidang ini untuk menimbulkan siswazah yang boleh memodenkan sektor pertanian dan untuk memperbaiki kedudukan diri mereka sendiri.

DAUN QAT YAMAN - KAWALAN

9. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada daun qat yang dimakan oleh orang Yaman Selatan ditakrif sebagai najis dadah;
- (b) adakah terdapat kes rakyat negara ini menggunakan daun qat sebagai cara untuk berkhayal dan menyelesaikan masalah mereka; dan
- (c) adakah penerangan-penerangan diberikan oleh Kerajaan kita kepada negara-negara asing berhubung dengan undang-undang najis dadah Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri **[Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]**:

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan daun qat boleh mendatangkan pengkhayalaan secara psikologikal kerana ia memeransangkan, menghilangkan rasa penat dan lapar. Dua jenis bahan kimia yang diperolehi dari daun qat iaitu cathinone dan cathine adalah ditakrif sebagai dadah kerana kedua-duanya teliti disenaraikan sebagai bahan psikotropik dan dikenakan kawalan di bawah Korvensyen Mengenai Bahan-bahan Psikotropik, 1971.

Cathinone, Komponen yang lebih banyak mengakibatkan masalah kesihatan dan tidak mempunyai sebarang nilai perubatan disenaraikan di bawah Jadual [Konvensyen yang mengenakan kawalan lebih ketat. Cathine yang mempunyai kegunaan dalam bidang perubatan disenaraikan di bawah Jadual III Konvensyen tersebut.

Malaysia adalah 'accede' kepada Konvensyen Mengenai Bahan-bahan Psikotropik 1971 pada 1986. Berikut dari itu beberapa pindaan telah dibuat untuk menyenaraikan cathine dan cathinone di bawah kawalan Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Ordinan Racun 1952. Cathinone kini tesenarai di bawah Jadual 1, Bahagian III Akta Dadah Berbahaya 1952 mulai 21hb Mei, 1986 dan juga di bawah Jadual 1 Kumpulan B, Ordinan Racun 1952. Cathine pula tersenarai di bawah Jadual 1 Kumpulan B dan Jadual IV, Seksyen 25AC1) Bahan Psikotropik Ordinan Racun 1952;

- (b) setakat ini belum ada kes yang dilaporkan mengenai rakyat Malaysia yang menggunakan daun qat;
- (c) Penerangan-penerangan mengeaai undang-undang najis dadah di negara kita diberikan kepada para peserta atau perwakilan negara-negara asing di dalam persidangan-persidangan, seminar-seminar, bengkel-bengkel dan mesyuarat-mesyuarat di peringkat antarabangsa, serantau dan dalam perhubungan dua hala. Penerangan-penerangan undang-undang dadah juga diberikan kepada pelawat-pelawat asing termasuk orang-orang kenamaan, pegawai-pegawai. dari agensi-agensi tindakan anti dadah negara-negara berkenaan serta wartawan-wartrawan dari luar negeri .

Sistem Penerbangan Malaysia [MAS] dan syarikat-syarikat penerbangan .antarabangsa juga dikehendaki membuat pengumuman sebelum kapal terbang mendarat di lapanganterbang negara ini untuk memberitahu bahawa pengedaran dadah adalah satu kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh membawa hukuman mati .

Setiap warganegara asing yang memasuki negara kita juga mendapat penerangan tentang hukuman mati ke atas pengedar-pengedar dadah dengan amaran yang tercatat dengan warna merah dalam kad "disenibarkation/embarkation" .

PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM

10. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak minta Menteri Pertanian menyatakan mengenai Kerjasama Penangkapan Ikan Laut Dalam yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia:

- (i) jumlah tangkapan ikan yang dibuat: semenjak kerjasama itu dilancarkan dan berapa nilai pasarnya;
- (ii) apakah wujudnya kerjasama itu telah tnendatangkan sedikit sebanyak faedah-faedah ekonomi kepada:
 - (a) Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) selaku wakil kaum nelayan dari seluruh Malaysia;
 - (b) kepada Kerajaan dari segi penambahan sumber-sumber pendapatan negara dan sebagai salah satu cara penyelesaikan kepada masalah pengaugguran ; dan
 - (c) kepada pihak swasta dari segi galakan dan minat untuk turut melabur di bidang industri ini serta kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawah soalan (i), Jumlah tangkapan ikan yang telah dibuat semenjak kerjasama itu dilancarkan ialah 1,360 metrik ton bernilai \$2.4 juta.

Bagi menjawab soalan (ii):

- (a) faedah-faedah ekonomi kepada NEKMAT ialah dengan wujudan peluang membekal minyak diesel dan makanan kepada bot-bot kerjasama tersebut;
- (b) faedah ekonomi kepada Kerajaan ialah meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar, mendapat cukai Kastam dan Eksais dan memberi peluang pekerjaan kepada anak muda yang menganggur;
- (c) faedah kepada pihak swasta pula, ialah sebagai satu cabaran untuk turut mencebur dalam perusahaan perikanan laut dalam.

BOT ASING DI PROJEK LAUT DALAM

11. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah terdapat bot-bot asing telah mengusahakan projek laut dalam seperti yang dijalankan oleh Syarikat K & I di perairan negara ini. Dan kalau ada apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka ini oleh pihak yang berkenaan supaya kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada terdapat bot asing yang telah mengusahakan projek laut dalam seperti Syarikat K&I di perairan Malaysia.

TAYANGAN FILEM DI RTM

12. **Tuaa Haji Hamid Araby bin Haji Mohd Salleh** minta Menteri Penerangan menyatakan iaitu, mahupun Kementerian Penerangan berjanji akan menyusun semula rancangan RTM, penonton-penonton RTM atau rakyat masih tidak puashati kerana penayangan filem-filem sama ada yang bersiri ataupun dalam bentuk drama khususnya dari negara-negara [Barat dan iklan-iklan televisyen tempatan banyak memperlihatkan unsur-unsur negatif dari segi budaya dan nilai-nilai moral dan penerapan nilai-nilai Islam, Apakah tindakan-tindakan yang benar, yang akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan **(Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad)**:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan senantiasa mengambil berat tentang nilai-nilai budaya dan moral, nilai-nilai agama dan nilai-nilai masyarakat, bangsa dan negara dalam semua rancangan yang disiarkan melalui televisyen. Semua filem, drama dan rancangan-rancangan lain yang diimport dari luar negeri adalah senantiasa ditapis oleh Pegawai-pejawai RTM sebelum ditayangkan mengikut garispanduan-garispanduan Kementerian ini supaya tidak menonjol sebarang nilai-nilai yang negatif serta boleh merosak masyarakat.

Ingin juga saya menegaskan bahawa pada masa ini usaha sedang dijalankan untuk menambah lagi bilangan rancangan tempatan supaya bilangan filem, drama dan rancangan-rancangan yang diimport itu

dapat dikurangkan secara beransur-ansur sehingga RTM dapat menyiar—kan lebih banyak rancangan tempatan daripada rancangan-rancangan yang diimport.

RTM, hal itu dijalankan secara terus menerus untuk mencari perseimbangan yang wajar di antara rancangan-rancangan yang bercorak hiburan semata-mata dengan rancangan-rancangan yang memberi pengetahuan, pendidikan dan panduan-panduan hidup yang berguna . Ini adalah untuk memastikan supaya susunan dan kandungan rancangan-rancangan RTM itu lebih sesuai dengan keperluan masyarakat dan negara. Untuk ini Kerajaan telahpun menubuhkan suatu Jawatankuasa Penyelaras rancangan-rancangan televisyen yang dipengerusikan oleh Menteri Penerangan sendiri dan dianggotai oleh Menteri Pendidikan, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Menteri Belia dan Sukan dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Semua garispanduan yang diguna oleh RTM adalah diawasi oleh jawatankuasa tersebut untuk memastikan supaya rancangan-rancangan televisyen Malaysia akan betul-betul dapat memenuhi kepentingan rakyat , bangsa dan negara.

13. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan dalam usaha-usaha menarik pelancong-pelancong asing setakat ini:

- (a) apakah program-program/rancangan-rancangan yang telah atau akan dijalankan;
- (b) berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan; dan
- (c) bagaimana hasil-hasil pulangannya dan berapa banyakkah pekerjaan baru telah dibentuk dalam sektor ini bagi mengatasi masalah pengangguran.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat , Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan menerusi

Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah dan akan berterusan menjalankan berbagai-bagai usaha meningkatkan lagi bilangan kedatangan pelancong-pelancong ke Malaysia. Usaha ini adalah dibuat menerusi perlaksanaan empat aktiviti pemasaran yang penting iaitu pengiklanan, penggalakan, perhubungan awam dan penyebaran maklumat pelancongan. Langkah-langkah sedemikian adalah meliputi semua pasaran-pasaran pelancongan yang utama dan dilaksanakan sama ada secara terus atau dengan kerjasama sektor swasta seperti Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), agensi-agensi pelancongau dan hotel-hotel tempatan.

Diantara program-program yang telah dan akan dijalankan adalah seperti berikut:-

- (i) penghantaran misi-misi jualan dan penggalakan ke seberang laut;
- (ii) penyertaan di pameran-pameran dan pusat-pusat pelancongan antarabangsa dan serantau ;
- (iii) penganjuran seminar-seminar dan bengkel mengenai pelancongan Malaysia.
- (iv) bantuan insentif kepada pengusaha-pengusaha pelancongan luar negeri bagi memperbanyakkan program-program lawatan ke Malaysla;
- (v) penajaan program-program televisyen ke arah meningkatkan publisiti mengenai Malaysia;
- (vi) penganjuran lawatan-lawat:an suai kenal bagi penulis- penulis perjalanan, pemberita. dan agensi- agensi pelancongan ke. Mala.yisia ;
- (vii) penggalakkan rombongan-rombongan profileman bagi menambah minat' untuk menjadikan Malaysia sebagai lokasi profileman.

(b) Jumlah perbelanjaan yang telah digunakan dalam usaha untuk menarik pelancong bagi tahun 1987 ialah \$24,271,840; bagi tahun 1988 pula Kementerian telah diperuntukkan sejumlah \$ 100 juta bagi tujuau tersebut. Pendapatan keseluruhan dari pelancongan bagi tempoh 1980-1985 adalah sehanyak \$6,437 juta. Dalam tempoh 1986, seramai 3,027,781 pelancong dianggarkan mengunjungi Malaysia dan hasil yang diperolehi berjumlah 51,529 juta . Pendapatan ini tidak termasuk tambang para pelancong yang mana sebahagian besar daripadanya diaikmati oleh Syarikat: Penerbangan Malaysia .

Pelancongan merangkumi pelbagai sektor industri seperti pengangkutan, kemudahan penginapan , makan minum, kraftangan , cenderamata, pengusaha pengembalaan dan pelancungan dan lain-lain. dengan itu adalah sukar untuk memberi maklumat lengkap mengenai berapa banyak pekerjaan baru diwujudkan.

Dari segi industri perhotelan sahaja sebanyak 47,346 peluang pekerjaan telah diadakan setakat ini. Oleh yang demikian sudah tentulah jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan oleh kesan industri pelancongan adalah jauh lebih besar lagi.

PEKERJA DI KAPAL MALAYSIA (HISC)

14. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kenapa kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia (MISC) masih mengambil pekerja-pekerja dari luar negeri seperti Filipina, India, Burma dan Indonesia sedangkan jawatan-jawatan tersebut boleh diisi oleh pelatih-pelatih yang keluar dari Akademi Laut Malaysia;
- (b) mengapakah jawatan-jawatan seperti Captain, Chief Officer dan Second Officer masih dipenuhi oleh pegawai-pegawai luar negeri sedangkan anak-anak Bumiputera yang berkelulusan setaraf masih tidak diutamakan; dan
- (c) apakah pencapaian Akademi Laut Malaysia sejak ditubuhkan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bahawa tidak ada pekerja-pekerja luar negeri di kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia (MISC) dalam kategori kelasi kerana kategori tersebut dapat dipenuhi oleh pelatih-pelatih yang keluar dari Akademi Laut Malaysia (ALAM). MISC hanya mengambil pegawai-pegawai asing dalam kategori yang tidak cukup bekalan dari Akademi Laut Malaysia.

Pada masa ini 12.5% dari 560 jawatan pegawai di kapal-kapal bukan LNG dan 41.4% daripada 99 jawatan pegawai di kapal-kapal LNG adalah dipegang oleh pegawai-pegawai luar negeri. Pegawai-pegawai ini akan diganti oleh pegawai-pegawai Malaysia sebaik sahaja terdapat pegawai-pegawai Malaysia yang terlatih. Bagi tujuan ini MISC ada menghantar beberapa orang pelatih untuk menjalani kursus-kursus yang sesuai.

Sejak ditubuhkan, Akademi Laut Malaysia telah dapat mengeluarkan sejumlah 7,161 orang pelatih dalam berbagai-jurusan.

SISA RADIOAKTIF - PELUPUSAN

15. Dr Tan Chong Keng minta Perdana Menteri menjelaskan:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar oleh bahan-bahan sisa kimia yang merbahaya yang dikeluarkan oleh kilang-kilang perindustrian; dan
- (b) peranan PUSPATI dalam usaha Kerajaan menyelesaikan masalah penyimpanan bahan sisa radioaktif yang dikeluarkan oleh Syarikat Asian Rare Earths.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, ingin dimaklumkan bahawa pada tahun 1987 satu kajian kemungkinan kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan-buangan toxic dan merbahaya di Malaysia telah selesai dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kajian Ini telah mengenalpasti:-

- (1) Sistem kemudahan pengolahan dan pelupusan yang sesuai bagi sisa-sisa kimia merbahaya yang dikeluarkan oleh kilang-kilang perindustrian dan juga oleh punca-punca lain di negara ini.

- (2) Pengolahan dan pelupusan yang dilaksanakan adalah pembakaran, pengolahan physical and chemical treatment.
- (3) Unit Loji Penstabilan.
- (4) Penyediaan tapak pelupusan terakhir.

Pada masa ini usaha-usaha sedang diteruskan bersama-sama beberapa Kerajaan Negeri bagi menentukan tapak-tapak pelupusan bagi melupuskan sisa-sisa kimia. Di samping itu satu peraturan baru di bawah Akta Kualiti Alam Sekelillng 1974 bagi mengawal pengeluaran, penyimpanan, pengangkutan, pengolahan dan pelupusan buangan-buangan toxic dan merbahaya sedang digubal oleh Jabatan Alam Sekitar.

Yang keduanya, sumbangan Unit Tenaga Nuklear (UTN) yang dulunya dikenali sebagai PUSPATI dalam usaha Kerajaan nnenyelesaikan masalah penyimpanan sisa-sisa radioactive yang dikeluarkan oleh Syarikat Asian Rare Earth (ARE) ialah berupa perkhidmatan nasihat dari segi keselamatan radiological secara amnya dan dari segi kaedah menyimpan radioactif secara khususnya.

UTN juga membantu Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dalam membuat penilaian keselamatan dan pengawasan alam sekitar yang berkaitan dengan penyimpanan sisa radioactif tersebut.

Dr Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di UTN ada berapa orang pakar-pakar sains radioactivity yang bertugas di sana dengan kepakaran yang diiktirat oleh badan IAEC atau Suruhanjaya Tenaga Atom Antarabangsa?

Tuan Othraan bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis sebab Ahli Yang Berhormat berkehendakkan jumlah bilangan pegawai.

CUKAI PENDAPATAN ATAS SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA/MAS

16. **Tuan Dahlan bia Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Syarikat Telekom Malaysia Bhd dan MAS tertakluk kepada corporate tax. Sekiranya ada berapa banyak cukai yang dibayar oleh syarikat-syarikat tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan **[Tuan Loke Yuen Yow]**: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan di sini bahawa Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) dikecualikan dari cukai pendapatan untuk tempoh 3 tahun iaitu mulai tahun taksiran 1988 hingga tahun taksiran 1990. Mengenai Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) pula, adalah didapati bahawa ianya tertakluk kepada cukai pendapatan.

Maklumat mengenai jumlah cukai pendapatan yang dibayar oleh MAS tidak boleh diumumkan tanpa persetujuan daripada pihak yang membayar cukai itu. Walaupun begitu memandangkan bahawa MAS adalah sebuah "public lisced company" maklumat-maklumat mengenai anggaran cukai pendapatan ini ada dinyatakan di dalam laporan tahunan MAS yang dikeluarkan kepada pemilik-pemilik saham.

ISTERI ASING WARGANEGARA MALAYSIA - TARAF PENDUDUK TETAP

17. **Tuan M. Sangaralingam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah perkembangan yang dicapai dalam mengeluarkan taraf penduduk tetap bagi isteri-isteri asing yang telah masuk ke dalam negeri ini pada atau sebelum 30hb Noyember 1981 dan layak pada 30hb November, 1986 mengikut pengumuman Kerajaan dahulu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Jabatan Imigresen Malaysia telahpun mengenalpasti sejumlah 1,631 orang isteri-isteri asing warganegara yang layak diberikan taraf penduduk tetap. Dari jumlah tersebut 290 orang telahpun diberikan status Penduduk Tetap dan selebihnya masih dalam tindakan Jabatan Imigresen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua , soalan saya No.18, Tetapi saya hendak' betulkan sedikit ayat di bawah itu "penyeludupan dadah dari negara-negara tersebut" bukan "ke negara-negara tersebut".

HASIL LAWATAN PERDANA MENTERI KE THAILAND DAN BURMA

18. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan yang telah beliau buat baru-baru ini ke negara Thailand dan Burma terutama sekali yang berkaitan dengan usaha dan kerjasama bagi menyekat penyeludupan dadah darinegara-negara tersebut.

21, Tuan G. Rajoo minta Menteri Luar Negeri- menyatakan hasil lawatan Perdana Menteri ke negara Burma dan Thailand baru-baru ini dan persetujuan yang dicapai dalam bidang kebudayaan, sosial dan ekonomi bagi meningkatkan serta mengeratkan lagi hubungan persahabatan di antara kedua-dua negara ini.

30.3.88

39. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil Lawatan Y.A.B. Perdana Menteri dan rombongannya ke negara Thailand dan Burma baru-baru ini.

44, Tuan Bce Yak Sek minta Menteri luar Negeri menyatakan:

- (a) isu-isu penting yang telah dibincangkan antara Malaysia dengan Negeri Thailand dan Burma tatkala beliau melawat kedua-dua negara baru-baru ini;
- (b) hasil yang telah diperolehi oleh Malaysia dari segi memperhebatkan perdagangan dua hala (bilateral trade).

4.4.88

19. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latiff** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang telah dicapai oleh Malaysia dalam siri lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Negara Thai dan Burma haru-baru ini. Apakah hubungan dua hala yang boleh menguntungkan Malaysia dari segi ekonomi.

TohMudaDr.AbdullahFadzilbinCheWan: mintalangdi-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini serentak dengan soalan-soalan oleh Yang Berhormat Tuan G. Rajoo pada hari ini, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam dan Yang Berhormat Tuan Bee Yang Sek pada 30.3.88 dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latiff pada 4.4.1988 sebab kelima-lima soalan tersebut ada kaitan.

Lawatan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Thailand dan Burma adalah bertujuan untuk mempereratkan lagi hubungan baik dan kerjasama dua hala di antara Malaysia dengan Thailand dan Burma. Di samping itu, lawatan tersebut juga memberi kesempatan kepada Perdana Menteri untuk berbincang dengan pemimpin-pemimpin negara tersebut mengenai isu-isu dua hala untuk kepentingan bersama.

Di antara hasil lawatan Perdana Menteri ke Thailand pada baru-baru ini adalah:-

- (i) Kedua-dua Perdana Menteri bersetuju supaya kerjasama dalam konteks ekonomi perlulah dipertingkatkan lagi untuk meninggikan transaksi komersial dan perjalanan. Kedua-dua negara juga bersetuju untuk mempermudahkan lagi peraturan-perataran yang sedia ada untuk menggalakkan pelancongan serta kemudahan kerjasama ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua buah negara.

(ii) Dalam usaha untuk meningkatkan kerjasama pelancongan, Malaysia dan Thailand pada dasarnya telah bersetuju untuk mengkaji cadangan mengadakan "package tours" urapamanya, Eropah-Thailand-Malaysia atau Eropah-Malaysia-Thailand dan mewujudkan penerbangan di antara Langkawi dan Pulau Phuket.

1111; Thailand juga telah bersetuju untuk mengimport 5'000 tan metrik minyak kelapa sawit dari Malaysia.

(iv) Kedua-dua Kerajaan juga telah melahirkan rasa puas hati terhadap kerjasama yang sedia wujud dalam bidang industri automotif, iaitu usaha pertukaran penghasilan barang-barang komponen kereta di antara pihak-pihak swasta dari negara masing-masing.

(v) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpeluang berbincang dao melawat projek "crop substitution" yang dilaksanakan oleh pihak Thai untuk membasmi kegiatan penyalahgunaan dadah.

Di antara hasil lawatan ke Burma pula, kedua-dua buah negara telah bersetuju pada dasarnya untuk memulakan perkhidmatan penerbangan terus daripada Malaysia ke Burma. Perkhidmatan ini ternyata akan merapatkan lagi perhubungan di antara rakyat kedua buah negara dan membuka peluang yang lebih luas untuk meningkat perdagangan dua hala.

Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membawa suatu perkembangan kepada perhubungan dua hala dan insentif-insentif yang lebih gigih untuk perhubungan perdagangan.

Semasa lawatan tersebut., Perdana Menteri Burma telah bersepakat dengan pendirian Malaysia tentang masalah penagihan dadah. Perdana Menteri Burma juga telah memberi jaminan akan terus menumpukan perhatian yang lebih serius terhadap masalah tersebut.

BEKERJA 5 HARI SEMINGGU

19. **Tuan Syed Abdul Hamid bin Safaff** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan untuk melaksanakan 5 hari bekerja dalam seminggu bagi menggalakkan rakyat Malaysia melancong dalam negeri.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan saranan untuk bekerja 5 hari seminggu semata-mata bagi menggalakkan pelancongan dalam negeri. Kerajaan berpendapat ada pendekatau lain yang lebih baik untuk mencapai tujuan itu. Pelaksanaan 5 hari bekerja seminggu ini sudah tentu akan mengurangkan produktiviti dan sebaliknya akan meningkatkan kos pengeluaran yang boleh menyebabkan barang keluaran negara menjadi lebih mahal dan hilang persaingannya di pasaran antarabangsa. Jika ini berlaku maka segala pendapatan yang diperolehi daripada peningkatan pelancongan dalam negeri tidaklah seimbang dengan kerugian yang akan dialami disebabkan kejatuhan produktiviti di kalangan para pekerja.

PENCEN PESARA TENTERA BRITISH

20. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia bercadang untuk berunding dengan Kerajaan British mengenai kenaikan pencen pesara-pesara Tentera British yang terdiri daripada rakyat Malaysia (Local Enlisted Personnel) yang menerima pencen yang lebih rendah daripada pencen yang diterima oleh pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia. Jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk berunding dengan Kerajaan British mengenai kenaikan pencen bagi pesara-pesara Tentera British yang terdiri daripada rakyat Malaysia kerana sebab-sebab berikut:

- (i) pesara-pesara tersebut dilindungi oleh undang-undang dan peraturan-peraturan pencegahan Kerajaan British dan oleh yang demikian tidaklah wajar untuk Kerajaan Malaysia campurtangan dalam hal ini; dan
- (ii) dari masa ke semasa Kerajaan British akan membuat kajian dan memberi kenaikan pencegahan jika berlaku perubahan besar terhadap sara hidup dan bayaran pencegahan di Malaysia.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE BURMA/THAILAND

21. Tuan G. Rajoo minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Perdana Menteri ke negara Burma dan Thailand huru-haru ini dan persetujuan yang dicapai dalam bilang kebudayaan, sosial dan ekonomi bagi meningkatkan serta mengaraskan lagi hubungan persahabatan antara kedua-dua negara ini.

Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua saya telah jawab soalan itu sebentar tadi dan saya tidak ada apa-apa jawapan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Thank you .

HUBUNGAN ANTARA KAUM

22. Tuan Paramjit Singh minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memupuk dan memperbaiki hubungan antarakaum di Malaysia dan apakah kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan di dalam usaha-usahanya untuk memperbaiki keharmonian kaum dalam negara; dan
- (b) adakah Kerajaan bersetuju bahawa disebabkan pelbagai polisi Kerajaan, ianya telah membantukan peayearan keharmonian kaum dalam negara.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) banyak langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk memupuk dan memperbaiki hubungan antara kaum di Malaysia sama ada melalui agensi Jabatan Perpaduan Negara maupun melalui agensi-agensi Kerajaan yang lain yang ada kaitan dengan perpaduan.

Melalui Jabatan Perpaduan Negara langkah yang telah dan sedang diambil melalui dua strategi iaitu strategi penggalakan dan strategi pencegahan. Di bawah strategi penggalakan Karajaan menggalakan rakyat:dari berbagai keturunan bergaul dan berinteraksi di dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan melalui konsep kejiranan di kawasan sejiran yang dahulunya dipanggil skim Rukun Tetangga.

Strategi penggalakaa bertujukan menjalin dan memupuk semangat kejiranan yang kukuh, menanam sikap tolong-menolong dan berbaik - baik sangka ke arah koharmonian masyarakat.

Aktiviti-aktiviti penggalakan meliputi bidang-bidang sukan, sosial, pendidikan, kebudayaan, kebajikan, kesihatan, keselamatan, rekreasi, keagamaan dan sebagairinya.

Melalui strategi yang kedua, iaitu strategi pencegahan, Jabatan Perpaduan Negara telah mera perbekalkan Sistem Pengesanan Perhubungan Sosial (SPPS). Sitem ini adalah satu sistem pengumpulan dan pengurusan maklumat untuk mendapat

gambaran jelas dan kemaskini tentang suasana dan pola perhubungan sosial di sesuatu kawasan dan di seluruh negara serta mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi suasana itu. Sistem ini melibatkan pengumpulan maklumat, penganalisaan dan tindakan-tindakan susulan yang sesuai berdasarkan maklumat yang diperolehi. dengan tujuan mereda atau mencegah kejadian perbalahan yang boleh membawa kepada situasi konflik

Tujuan SPMS ialah untuk mengesan sebenar suasana, iklim dan pola perhubungan di antara kaum supaya usaha-usaha membaik pulihkan suasana perhubungan yang negatif dapat dijalankan.

Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara menilai keberkesanan program-program yang dilakukanya, khususnya yang melibatkan perhubungan kaum. Aktiviti-aktiviti perpaduan yang dijalankan oleh Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara adalah amat berjaya dalam usaha memperbaiki kehormonian kaum di dalam negara ini.

- (b) Saya tidak bersetuju sama sekali bahawa disebabkan pelbagai polisi Kerajaan, ianya telah membantutkan penggalakan kehormonian kaum dalam negara ini; sebaiknya dasar-dasar Kerajaan yang digubal adalah bertujuan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua : Sila Yang Berhormat.

Tuan Mustaffa bia Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya minta Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri memberi satu penjelasan, tidak adakah suatu perancangan ataupun strategi dari Kerajaan dan Jabatan Perpaduan Negara bagi mewujudkan keharmonian ini yang sebaik-baiknya yang pertama sekali menggalakkan kahwin campac antara bangsa-bangsa yang terdapat dalam negara ini..

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidaklah mempuayai program tentang soalan ini tetapi adalah bergantung kepada individu ~~masing-masing~~ sama ada hendak barkahwin di antara orang

Melayu deagan orang Tionghua atau orang Tionghua dengan India. Ini adalah terletak kepada individu masing-masing termasuk Ahli Yang Berhormat pun kalau 'mungkin'kahwin [Ketawa] dengan orang bangsa lain maka bolehlah [Ketawa]

Tuan Yang d-Pertua: Masa untuk soal Jawab Mulut pun telah cukup.

[Masa untuk Pertaayaan bagi Jawab Mulut telah cukup daa Jawapan bagi Pertanyaan No. 23 hiogga 60 adalah

USUL-USUL**JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN**

Timbalan Menteri Dalam Negeri **[Dato' Megat Junid bin Megat**

Ayob]: Tuan Yang di-pertua, saya mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri mencadangkan :

Bahawa Majiis ini memerintahkan Ketua polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Mejnteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan **[Tuan Haji**

Husein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Menteri Dalam Negeri bagi diputuskan bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan

menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

JAWATANKUASA PEMILIH - LANTIKAN AHLI-AHLI

Menteri di Jabatan Perdana Menteri **[Dato Dr. Mohamad Yusof binti**

Haji Mohamed Nor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan ;

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh.

1. Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad;
2. Yang Berhormat Dato' Mak Hon Kam;
3. Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria;
4. Yang Berhormat Tuan Rajoo a/l Desari @ Govindasamy.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi diputuskan. Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh.

1. Yang Berhormat: Tuan Haji Hussein bin Ahmad;
2. Yang Berhormat Dato' Mak Hon Kam;
3. Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria;
4. Yang Berhormat Tuan Rajoo a/l Desari @ Govindasamy.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh disetujukan.

1. Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad;
2. Yang Berhormat Dato' Mak Hon Kam;
3. Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria;
4. Yang Berhormat Tuan Rajoo a/l Desari @ Govindasamy.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M.
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

3.40 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti itu
dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian
bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan
Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen,
memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan
yang zalil daripada Majlis Dewan Negara
mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan
menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah
Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal
Kedua Parlimen Yang Ketujuh."

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sungguhpun ringkas,
tetapi telah menyentuh banyak perkara. Duli Yang Maha Mulia telah
memperingatkan semua lapisan rakyat terhadap tanggungjawab kita
menjaga keharmonian dan kestabilan negara. Tanpa kestabilan negara,
terutamanya kestabilan politik, pembangunan ekonomi tidak akan dapat
berterusan dinikmati oleh rakyat. Sekiranya kestabilan politik ter-
gugat dan mengancam kegiatan kehidupan sehari-hari, pembangunan
ekonomi tidak akan wujud.

Saya menyeru semua pemimpin-pemimpin semua peringkat, baik serendah-rendahnya dari peringkat kampung hingga ke pemimpin negara supaya terus menjaga keamanan dan keharmonian negara kita. Sebagai satu bangsa yang cintakan keamanan, kita bertanggungjawab mempastikan supaya tidak ada dilakukan sebarang tindakan, sama ada oleh individu atau berkumpulan yang boleh mengganggu-gugat kestabilan politik negara. Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan kepercayaan, faktor utama yang mesti dititikberatkan adalah perpaduan yang tulin. Perpaduan negara perlu dipelihara kerana ia merupakan kekuatan kita. Oleh itu, sifat-sifat kesederhanaan perlu dipupuk untuk mengelakkan perselisihan sesama kaum yang akhirnya jika berlaku perpecahan tidak ada sesiapa pun yang mendapat untung melainkan musuh-musuh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini kita semua perlu bersikap adil dan menjadi penegur yang peka kepada persekitaran kita. Kita semua tidak seharusnya sekadar mencari kesalahan sahaja atau terikut-ikut dengan arus tanpa mengira akibat-akibat yang menimpa, tetapi kita perlu bersikap membina dengan memberi pandangan-pandangan yang berguna dan ikhlas kepada Kerajaan jika kita dapati satu-satu tindakan atau perbuatan itu boleh membawa kemudharatan kepada negara. Usaha-usaha pembinaan negara memerlukan kita semua bersikap positif sebagai seorang negarawan dan bukannya hanya meng lengahkan kepentingan peribadi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, syukur alhamdulillah, kedudukan ekonomi negara telah beransur pulih pada tahun 1987 sebagaimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pertumbuhan ekonomi

negara telah mencapai 4% pada awal tahun 1987 berbanding dengan jangkaan 2% pada awalnya dahulu dengan kenaikan Keluaran Dalam Negara Kasar kepada 4,7%. Besar kemungkinan angka ini akan bertambah baik pada penghujung tahun 1988 ini. Ingatan murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini akan setetusnya menjadi perangsang kepada rakyat supaya terus mempertingkatkan produktiviti dan berusaha keras untuk sama-sama memulihkan dan menikmati dari pemulihan ekonomi negara ini.

Dari statistik yang diperolehi pada tahun 1987, lebihan dagangan naik sebanyak 69.2% kepada \$13,193.2 juta daripada \$7,799.6 juta pada tahun 1986 berikutan dari pertambahan pendapatan punca eksport. Kebanyakan harga barang utama negara naik pada paras di luar jangkaan. Pertambahan jumlah eksport dan harga getah yang baik telah menaikkan pendapatan eksport getah sebanyak 23% kepada \$3.9 billion dan kayu balak dan kayu gergaji naik 48.7% dan 38.1%, masing-masingnya kepada \$4.3 billion dan \$1.6 billion. Pendapatan dari bijih timah juga meningkat daripada \$189.2 juta kepada \$838.3 juta berikutan dari pertambahan jumlah eksport sebanyak 22.9%. Petroluem dan barang dari petroleum membawa pendapatan sebanyak \$7,044.4 juta. Pendapatan dari kelapa sawit juga bertambah sebanyak 8% dengan hasilan sebanyak \$3,249.9 juta, tetapi hasil dari gas cecair asli menurun sedikit daripada \$1,741.7 juta, daripada \$1,848.2 juta aebelumnya.

Dari segi import pula, jumlah keseluruhan import banyak tertumpu kepada jentera dan peralatan pengangkutan yang berjumlah sebanyak \$14,355.8 juta yang merupakan 44.9% dari jumlah import. Pengimportan barang kilang juga bertambah sebanyak 23.3% kepada

\$4,979.5 juta oleh kerana perbelanjaan kepada barang tenunan kain, besi dan besiwaja, besi non-ferruous dan bahan-bahan kertas. Barang-barang ini tidak dapat dielakkan dari pengimportan untuk penggunaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dipetingatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bahawa Kerajaan masih lagi menghadapi defisit akaun semasa. Oleh itu, usaha-usaha mempertingkatkan hasil Kerajaan dan langkah-langkah penjimatan perbelanjaan perlu diteruskan.

Sebagai seorang usahawan, saya berpendapat mentadbir sebuah negara mempunyai banyak persamaan seperti mentadbir sebuah "syarikat". apabila syarikat dalam keadaan tenat, 3 aspek yang setalu ditekankan ialah:

- (i) mengecil sama ada dari segi saiz atau perbelanjaan;
- (ii) menjual harta-harta yang tidak diperlukan; dan
- (iii) mendapatkan punca-punca pendapatan yang terbiar atau bertindak kepada piutang-piutang Kerajaan yang kurang teliti semasa memungutnya.

Saya percaya Kerajaan memang telah berusaha mencari masalah ini, terutama menerusi langkah-langkah pencegahan perbelanjaan Kerajaan yang bukan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi hala perdagangan dengan dunia luar, perubahan yang bertambah adalah direkodkan perdagangan dengan ASEAN, Amerika Syarikat, EEC, India, Hongkong dan Eropah Timur, tetapi perdagangan dengan Australia dan China masih berterusan tidak

seimbang atau defisit. Perdagangan dengan negara-negara ASEAN naik kepada 128.2% dengan nilai \$4,273.7 juta di mana perdagangan dengan Singapura sahaja berjumlah \$2,129 juta. Dari segi pelaburan pula, pihak Kerajaan telah menerima permohonan untuk cadangan pelaburan modal sejumlah \$747 juta untuk berbagai-bagai projek dari penanam-penanam modal luar negeri pada tahun 1987. Angka ini menunjukkan kenaikan sebanyak 76.2% dari tahun 1986 di mana ketika itu jumlah pelaburan modal luar berjumlah \$427.9 juta.

Kebanyakan pelaburan ini tertumpu kepada perusahaan elektrik dan elektronik, memproseskan makanan dan industri berasaskan kayu-kayan, pelabur-pelabur tersebut kebanyakannya daripada Amerika Syarikat, Jepun dan Belanda.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut usaha-usaha penggalakkan pelaburan yang dilakukan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ke Amerika Syarikat, Britain dan Jerman Barat pada bulan September 1987 dahulu, adalah dijangkakan Kerajaan akan dapat menarik pelaburan sebanyak \$1.5 billion yang akibat melibatkan 23 projek utama. projek-projek utama tersebut adalah water fabrication , pengeluaran peralatan semi conduct, sarung getah , peralatan perubatan, bahan-bahan kimia dan racun rumpai .

pelancaran-pelancaran dua Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), dan Pelan Induk Perindustrian (1986-1995), di bawah kedua-dua Pelan tersebut sektor perkilangan telah diberi peranan sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi.

Tahun 1986 juga merupakan pengenalan kepada beberapa langkah yang bertujuan untuk memperbaiki iklim pelaburan negara seterusnya menpercepatkan pertumbuhan dalam sektor perkilangan. Sektor ini telah bertambah baik dengan mencatatkan kenaikan nilai ditambah sebanyak 6.8% berbanding dengan penurunan sebanyak 3.8% dalam tahun 1986. Pemulihan ini adalah disebabkan oleh permintaan luar yang lebih baik bagi beberapa pengeluaran yang berpotensikan eksport . Sumbangan daripada sektor perkilangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar bertambah daripada 19.7% dalam tahun 1985 kepada 20.8% dalam tahun 1986.

Pihak Kerajaan dalam usahanya yang berterusan untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan daripada sektor swasta telahpun memperkenalkan beberapa langkah pada tahun 1986. Di antara langkah-langkah yang penting ialah pengenalan galakan-galakan pelaburan yang diperbaiki untuk sektor perkilangan dengan berkuatkuasanya Akta Penggalakan Pelaburan 1986 mulai 1hb Januari, 1986, Kelonggaran peraturan mengenai lesen perkilangan, kajian semula garispanduan mengenai penyertaan ekuiti asing dan penggunaan pekerja asing, dan pemberian skim pembiayaan semula kredit eksport untuk memudahkan para pengekspor Malaysia bersaing dengan lebih berkesan lagi dalam pasaran antarabangsa. Pindaan juga telah dibuat kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Perintah Penyelarasaran Perindustrian (Pengeluaran) (Pindaan) 1985, di bawah Akta Penyelarasaran Perindustrian 1976.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menerima syor-syor utama Pelan Induk Perindustrian dan memberi keutamaan kepada pelaksanaan objektif untuk menjadikan sektor perkilangan sebagai penggerak pertumbuhan. Setahu saya Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menggairahkan Pelan Tindakan yang komprehensif mengenai pelaksanaan PIP, dan tersebut telah menyarankan penubuhan beberapa Pasukan Petugas dan Jawatankuasa di bawah beberapa Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan. Sehubungan dengan 12 sektor-sektor industri yang dikenalpasti. Pelan Induk Perindustrian di antara lain telah mengesyorkan kajian selanjutnya dijalankan ke atas beberapa keluaran yang telah dikenalpasti. Kebanyakan kajian yang dijalankan adalah berdasarkan

syor-syor Pelan Induk dan merangkumi perkara-perkara seperti faedah bandingan, prestasi dan masalah sektor industri terpilih dan prospek-prospek pembangunan di masa hadapan.

Satu aspek yang terlibat secara langsung dengan perkembangan industri negara ialah industri kecil dan menengah. Memandangkan semua pengusaha kecil dapat bertanding untuk maju ke tahap industri pertengahan dan berat, Kerajaan perlu bersikap memilih menentukan bidang perusahaan yang perlu diceburi oleh pihak swasta untuk menjamin industri berkenaan dapat berkembang maju.

Dari statistik yang saya dapati statistik industri kecil telah memberi sumbangan besar kepada keluaran Dalam Negara Kasar dari 10% pada tahun 1964 kepada 20.5% dalam tahun 1980. Industri kecil dan menengah ini akan menjadi industri pembantu kepada industri berat kelak. Di dalam hal ini 300,000 usahawan kecil kita yang menyumbang 15% pekerjaan boleh menjadi pelengkap kepada gagasan perindustrian negara secara keseluruhannya .

Saya dengan ini ingin menyarankan supaya satu Pelan Induk Perindustrian Kecil dan Menengah diadakan bagi menunjukkan perhatian berat Kerajaan pada bidang ini.

Menyentuh mengenai industri kecil ini, izinkan saya menyampaikan sedikit pemasalahan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha bumiputera :

C i) saya difahamkan iaitu Kementerian Perdagangan telah mengambil keputusan iaitu tambahan Elaun Cukai Pelaburan tidak lagi diberi kepada projek-projek bumiputera seperti yang diberikan pada masa-masa yang lalu.

(ii) pengesport-pengeksport rotan yang mana kebanyakannya terdiri daripada pengeksport bumiputera yang dahulunya cukai eksportnya dikenakan sebanyak lebih kurang \$300 pada satu metrik tan, tetapi sekarang sudah dinaikkan sebanyak \$3,000 satu metrik tan.

Implikasi daripada langkah ini ialah pengeksport-pengeksport rotan bumiputera bukan sahaja mendapat kerugian besar akibat dari penurunan harga, tetapi sekali gus industri mereka selaku peng-eksport rotan meleset terus .

Keadaan ini memanglah ditunggu-tunggu oleh pihak pengilang-pengilang rotan. Jika segala sungutan ini benar , nampaknya Kerajaan tidak lagi memandang berat atau mengambil daya-usaha yang kuat untuk memberi galakan bagi menghadapi pertandingan memandangkan lapangan baru yang diterokai ini memerlukan sedikit insentif. Jika keistimewaan ini diluputkan maka harapan untuk membangun pengilang-pengilang bumiputera tidak akan berhasil, walaupun kita tahu bumiputera juga mesti sanggup bertanding di pasaran terbuka .

Selain daripada itu saya difahamkan syarikat-syarikat yang memerlukan lesen daripada Kementerian tersebut dahulunya memerlukan ekuiti bumiputera, tetapi sekarang diganti dengan syarat syarikat-syarikat mesti mempunyai modal berbayar sebanyak \$2.5 juta. Dengan cara ini dengan sendirinya gugurlah keistimewaan yang diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputera pada masa-masa yang lalu. Dengan ini sekali lagi saya meminta Kementerian tersebut membuat ulangkaji berhubung dengan perkara tersebut .

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penekanan yang diberikan oleh pihak Kerajaan terhadap usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan R & D untuk pelbagai sektor dalam ekonomi Malaysia terutama di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Ini terbukti daripada peruntukan pembangunan R & D meningkat dari \$124.3 juta di bawah Rancangan Malaysia Keempat kepada \$400 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Penekanan ini adalah kerana R & D adalah menjadi teras kepada pembangunan ekonomi dan permodenan utama di bidang sains dan teknologi.

Kita mempunyai Badan-badan seperti MARDI, PORIM untuk menjalankan penyelidikan di bidang pertanian, Institut Penyelidikan Perikanan untuk membuat penyelidikan di bidang perikanan dan Institut Penyelidikan Perhutanan dalam bidang perhutanan. Kita juga ada SIRIM, Institut Perlombongan, Institut Penyelidikan Tenaga Atom, Institut Penyelidikan Perubatan dan Institut Mikro Elektronik Malaysia \ HMOS) bagi menjalankan R & D di bidang masing-masing.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga telah diperuntukkan bagi menubuhkan "Science Park" untuk tujuan penyelidikan di bidang sains dan teknologi.

Saya berpendapat usaha-usaha penubuhannya perlu diambil perhatian berat supaya kemajuan sains dan teknologi terutamanya peminatan teknologi dari negara-negara luar dapat diterima secara lebih berkesan lagi.

Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar taitu sejumlah \$524.3 juta bagi Rancangan-rancangan Malaysia Keempat dan Kelima, pulangan yang didapati hendaklah mendatangkan faedah yang besar kepada negara di masa-masa hadapan. Oleh itu kita semua

amat menyanjung di atas perhatian berat yang telah diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Kerajaan mempertingkatkan lagi produktiviti, mutu dan kos pengeluaran barang negara terutama barang ekspor.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah memperingatkan kita semua akan peri mustahaknya usaha-usaha mempergiatkan lagi penyertaan rakyat dalam aktiviti ekonomi sesuai dengan pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Sebagaimana kita semua sedia maklum, Dasar Ekonomi Baru akan tamat tempoh pelaksanaannya pada tahun 1990, tetapi ini tidak **ber-** makna semangat Dasar Ekonomi Baru turut berakhir. Oleh **itu**, Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyentuh satu perkara yang penting kepada kestabilan negara, dalam jangka masa panjang iaitu Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 atau penyambungan matlamat-matlamat ekonomi negara, selepas tamat tempoh Dasar Ekonomi Baru. Banyak perkara-perkara yang terjadi di luar jangkaan dan kawalan manusia. Kemelesetan ekonomi negara yang di-**alami** sejak beberapa tahun yang lalu telah mempengaruhi pelaksanaan program-program pembangunan Kerajaan, termasuk program-program penyusunan semula masyarakat.

Berdasarkan kepada prospek ekonomi negara yang tidak lagi menggalakkan bahagian pemilikan bumiputera dalam sektor syarikat di anggarkan mencapai kira-kira 22% sahaja menjelang tahun 1990 sebab pertumbuhan ekonomi yang rendah, kemelesetan dan juga sumber-sumber Kerajaan terhad. Bagi menghadapi suasana yang tidak menggalakkan **ini**, Kerajaan perlulah membuat beberapa penyesuaian kepada strategi dan program penyusunan semula masyarakat, khasnya strategi pemilikan sektor syarikat ke arah memastikan supaya kegiatan ekonomi terus berkembang serta dapat menghasilkan peluang-peluang penyertaan yang baru, menggalakkan pelaburan swasta juga pelaburan asing, seterusnya menanamkan **etika** 'usahawan yang terpuji di kalangan usahawan-usahawan kita'.

Satu aspek penting di dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru ialah penglibatan sektor swasta. Saya dapat wujud semacam sikap sambil lewa daripada segolongan syarikat-syarikat tertentu untuk menjayakan dasar ini dengan memberi alasan kononnya wujud krisis keyakinan terhadap kestabilan politik negara **ini**. Jika banyak kalangan private sector bersikap sedemikian, saya khuatir pelabur-pelabur asing juga akan berasa serba salah untuk sama-sama menjayakan Dasar Ekonomi Baru itu. Proses penyusunan semula masyarakat dapat diteruskan dengan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat. Saya amat berharap supaya Kerajaan akan meneruskan Dasar Ekonomi Baru walau apapun di dalam nama atau bentuk yang lain selagi taraf ekonomi bumiputera mahupun kaum-kaum bukan bumiputera belum tercapai secara meluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat satu pepatah orang Cina. Izinkan saya membaca dalam Bahasa Inggeris, "If you are planning for a year, plant grain. If you are planning for ten years, plant trees. If you are planning for hundred years, plant men." Kepada saya, manusia adalah punca utama pembentukan negara di mana pendidikan dan latihan sebagai acuan kepada pembentukan mental dan kerohanian manusia sejagat. Konsep pendidikan bersepadu yang dianjurkan oleh Kerajaan adalah langkah mengeluarkan tenaga-tenaga manusia yang sesuai untuk keperluan negara pada masa sekarang dan masa akan datang, Di samping **itu**, kita jangan lupa di atas ingatan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia supaya kita semua terus memupuk sifat-sifat positif dan unsur-unsur akhlak yang tinggi menerusi pendidikan formal dan tidak formal supaya sifat-sifat penyelewengan, pecah amanah, rasuah dan sifat-sifat keji lainnya akan dipandang jijik oleh masyarakat. Oleh itu, usaha-usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam perlu mendapat perhatian dan sokongan.

Penyakit-penyakit masyarakat seperti penagihan dadah juga perlu dibasmi sepenuhnya menerusi langkah-langkah pencegahan dan rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Laporan Separuh Penggal Malaysia Keempat dianggarkan 30.3% daripada 2.4 juta keluarga di negara ini adalah dari golongan miskin. Pada tahun 1980 kadar kemiskinan turun kepada 29%. Pada tahun 1984 misalnya kadar kemiskinan di kalangan penanam padi berjumlah 57.7% sementara di kalangan nelayan dan penoreh getah melebihi 40%. Perbandingan kadar ini begitu keadanya mungkin bertambah buruk di dalam keadaan kemelesetan

sekarang ini. Kemiskinan bukanlah sesuatu yang mudah dibasmikan, tetapi Kerajaan tidak pernah melupakan tanggungjawabnya melaksana program-program membasi kemiskinan di negara ini. Kita amat menyokong akan saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya usaha-usaha mempertingkatkan taraf hidup rakyat diteruskan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air paip, elektrik, jalanraya dan telefon. Program-program pencegahan dan pengawalan di segi kesihatan juga perlu dilaksanakan bagi meninggikan taraf kesihatan rakyat terutamanya yang tinggal di luar bandar. Usaha-usaha yang sama juga telah dilakukan kepada golongan miskin di bandar-bandar seperti usaha-usaha penempatan setinggan di Wilayah Persekutuan menerusi pembangunan kawasan-kawasan perumahan kos rendah dan penyediaan kemudahan-kemudahan asas di kawasan-kawasan setinggan yang belum dibangunkan. Seterusnya kita berharap Kerajaan terus mencari dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dan idea-idea yang baru supaya dapat mempercepatkan proses membasmikan kemiskinan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya tidak lupa kepada kaki-tangan Kerajaan yang telah menjadi nadi dan jentera penggerak kepada pembangunan dan pentadbiran Kerajaan. Tidak syak lagi Perkhidmatan Awam kita adalah satu perkhidmatan yang cekap dan produktif. Mereka telah memainkan peranan yang besar di dalam pembangunan ekonomi negara sejak negara mencapai kemerdekaan.

Walau bagaimanapun, peningkatan kecekapan dan produktiviti adalah satu usaha yang berterusan sesuai dengan pemodenan negara dan peredaran masa. Banyak usaha-usaha yang telah dilaksanakan bagi mempercepatkan Perkhidmatan Awam Kerajaan, antaranya ialah mewujudkan sikap positif dan nilai-nilai murni, perubahan kepada sistem dan prosedur kerja, peningkatan tahap perkhidmatan kepada orang ramai, peningkatan mutu pentadbiran di peringkat daerah, peningkatan kawalan dan penjimatan kos dan peningkatan penggunaan teknologi maklumat.

Proses modenisasi ini telah diterima dan dilaksanakan secara meluas di dalam Perkhidmatan Awam kita. Di dalam kajian perbandingan di antara tahun-tahun 1981 dan 1985, menunjukkan tambahan tingkat puas hati masyarakat terhadap perkhidmatan agensi-agensi Kerajaan. Kita berharap usaha-usaha modenisasi ini akan menerapkan kesedaran pegawai-pegawai Kerajaan mengenai kepentingan masa, keperluan penjimatan perbelanjaan dan penggunaan sumber-sumber secara berkesan serta berdedikasi dan pengurusan yang baik oleh pegawai-pegawai atasan yang boleh dicontohi oleh pegawai-pegawai lain.

Sungguhpun begitu, saiz Perkhidmatan Awam yang optima perlu dibuat bertujuan memperkemaskan jentera Kerajaan dengan pengurangan bilangan kakitangannya, Langkah-langkah ini sebenarnya telahpun diambil sejak tahun 1982 lagi. Misalnya dengan dasar penswastaan, Kerajaan telah dapat mengurangkan bilangan kakitangan Kerajaan secara tidak langsung.

Saya percaya usaha-usaha peningkatan produktiviti jabatan-jabatan Kerajaan akan membawa kesan secara langsung kepada kemajuan dan pembangunan negara sesuai dengan cogan kata mereka, "Berkhidmat untuk Negara".

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan saranan yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bahawa industri pelancongan adalah menjadi salah satu sumber pendapatan tukaran wang asing yang penting. Pada tahun 1972, kemasukan pelancong asing ke Malaysia ialah seramai 1 juta orang dengan pendapatan negara yang diterima darinya berjumlah \$230 juta.

Pada tahun 1985 jumlah pelawat asing berjumlah \$2.9 juta dengan mendapat hasil berjumlah \$1,412.4 juta. Perangkaan ini menunjukkan satu pencapaian yang amat menggalakkan. Dengan tertubuhnya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, usaha-usaha pelancongan akan lebih terselaras. Soal penyelarasan ini penting memandangkan sebelumnya Kerajaan-kerajaan Negeri dan sektor-sektor swasta menjalankan aktiviti pembangunan dan penggalakan pelancongan kadangkala secara berasingan dan menyebabkan pertindihan dan percanggahan. Usaha-usaha semua pihak memang perlu disatukan terutamanya oleh Jawatankuasa Induk Pelancongan untuk mencapai matlamat pembangunan pelancongan yang teratur, bersepadu dan lebih berkesan lagi.

Di samping itu, kadar pertumbuhan pelancongan perlu dipertingkatkan sesuai dengan peruntukan kewangan 1987/88 yang bertambah supaya mencapai angka 9% bagi tempoh 1989-1990 dan 20% bagi tempoh 1991-1995. Tidak syak lagi ingatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda supaya industri ini diberi penekanan adalah tepat sekali untuk menjadikannya industri utama negara.

ASEAN Dan Dasar Luar Negeri Malaysia

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama ekonomi serantau menerusi ASEAN perlu dipertingkatkan terutamanya di dalam suasana ekonomi sekarang ini.

Prestasi ekonomi negara-negara ASEAN bagi tahun 1988 menerusi Keluaran Dalam Negara Kasar sebenar dijangka tumbuh lebih tinggi sedikit daripada anggaran tahun 1987. Memandangkan langkah-langkah untuk memperkuatkhan ekonomi masing-masing yang dilaksanakan di negara ASEAN serta langkah-langkah penyesuaian yang dilakukan bagi

menghadapi kemelesetan di samping dasar-dasar menggalakkan pelaburan dalam negeri serta kejatuhan kadar faedah, adalah antara faktor-faktor yang dijangka menjadi pendorong untuk pertumbuhan yang lebih baik bagi ekonomi ASEAN. Kenaikan nilai Yen dan rizab luar negeri Taiwan juga dapat menggalak Jepun dan Taiwan menempatkan semula industri-industri mereka di rantau ini.

Ekonomi Filipina sedang mengalami rancangan-rancangan penyesuaian struktur bagi memperbaikiimbangan pembayaran dan mengurangkan jumlah pelabur asing, Indonesia telah memperkenalkan tiga gabungan

langkah-langkah melonggarkan dasar-dasar perdagangan barang dan pelaburan asing pada bulan Mei dan Oktober 1986 dan Januari, 1987. Penurunan nilai rupiah sebanyak 31% terhadap nilai dollar Amerika Syarikat pada bulan September, 1986 dijangka dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi Indonesia. Usaha negeri Thai untuk memperbaiki iklim pelaburan dan sektor eksportnya melalui penangguhan cukai, pengecualian tarif ke atas mesin-mesin diimport, hak membeli tanah dan kadar faedah yang lebih rendah, dijangka dapat mengukuhkan ekonominya pada tahun 1988 ini.

Langkah-langkah yang diambil oleh Singapura untuk membaiki daya saingan antarabangsa melalui langkah-langkah pemotongan kos dan galakan eksport telah menunjukkan tanda-tanda yang menggalakkan. Oleh itu ekonomi Singapura dijangka mencapai prestasi yang lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya.

Kita berpendapat Kerajaan negara-negara anggota ASEAN perlu mempertingkatkan lagi kerjasama ekonomi dalam hubungan kerjasama serantau, walaupun sudah disebutkan oleh Timbalan Menteri Luar Negeri tadi bahawa mereka sedang giat untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah ekonomi di rantau ini. Di dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia, perdagangan intra-ASEAN juga turut terjejas. Jumlah perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN berkurangan kepada AS\$21.2 ribu juta pada tahun 1986 berbanding dengan AS\$23.7 ribu juta pada tahun 1985 iaitu kekurangan sebanyak 10.5%. Kekurangan ini disebabkan oleh kelembapan ekonomi yang dialami oleh kebanyakan negara-negara ASEAN pada tahun 1986 yang memerlukan negara-negara anggota mengurangkan jumlah import masing-masing untuk membendung defisit akaun semasa,

Beberapa mesyuarat di peringkat Menteri dan pegawai kanan ASEAN telah diadakan dalam tempoh 1986/1987 bagi membincangkan berbagai isu ekonomi terutamanya dalam bidang perdagangan, industri, bank dan kewangan.

Dengan langkah-langkah pemulihan yang diambil oleh negara-negara ASEAN itu, kita juga seharusnya berawas-awas akan kecenderungan kuasa-kuasa ekonomi dunia yang terus mengamalkan dasar-dasar perlindungan dan nasionalisma ekonominya. Jika dasar-dasar ini berlaku secara berleluasa, akhirnya akan menjelaskan kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan lain-lain negara.

Saya tertarik dengan satu ramalan ekonomi yang dibuat oleh Dr. Ravi Batra di dalam bukunya bertajuk "The Great Depression of 1990" dengan izin. Menurut teori beliau dunia akan mengalami malapetaka ekonomi pada tahun 1990 sehingga ke tahun 1996, berikutan dari dasar-dasar negara di dunia mengamalkan perlindungan yang menyebabkan kegiatan ekonomi tertumpu kepada aktiviti-aktiviti dalam

negeri. Pada masa itu hanya mereka yang mempunyai wang ringgit sahaja yang menikmati situasi tersebut.

Walaupun ianya sebagai satu ramalan ekonomi dengan kajian-kajian berdasarkan kepada ekonomi di Amerika Syarikat, tetapi negara-negara di dunia seharusnya memahami kesan-kesan dari dasar perlindungan terutamanya kepada negara-negara miskin dan yang membangun.

Di dalam hubungan yang sama, negara-negara ASEAN sebagai pengeluar barang utama dunia perlu bersepakat di dalam menentang kempen-kempen yang ditunjukan kepada setengah-setengah keluaran utamanya. Satu daripada contohnya Malaysia sedang alami iaitu kempen-kempen memburuk-burukkan minyak kelapa sawit yang dilakukan oleh Persatuan Kacang Soya Amerika.

Kementerian Luar Negeri

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha mempertingkatkan perkembangan ekonomi dengan negara luar, saya amat bersetuju dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Luar Negeri dalam soal mengutamakan hal ehwal ekonomi. Pelaksanaan dasar luar berteraskan ekonomi ini memerlukan Kerajaan melaksanakan konsep organisasi bersepadu pada 1hb Januari, 1988. Dengan pelaksanaan konsep ini aktiviti-aktiviti ekonomi seperti perdagangan, pelancongan dan pelaburan akan diselaraskan oleh ketua perwakilan. Saya berpendapat cara ini akan dapat mempertingkatkan lagi prestasi negara kita dalam hal ehwal ekonomi di luar negeri.

Untuk melaksanakan tugas-tugas Ini dengan lebih berkesan lagi, Kementerian Luar Negeri perlulah diberikan peruntukan kewangan yang mencukupi dan dibekalkan dengan pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman di dalam hal ehwal ekonomi.

Di antara lain langkah-langkah yang saya rasa perlu diambil perhatian oleh Kementerian ialah:-

- (1) Memperkemaskan lagi bahagian ekonomi di Kementerian supaya tugas-tugas ekonomi dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.
- (2) Menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi Luar di semua Perwakilan di luar negeri yang dikendalikan oleh ketua perwakilan dengan dianggotai oleh pegawai-pegawai dari berbagai agensi Kerajaan yang terlibat dengan hal-hal ekonomi.
- (3) Mengeluarkan arahan-arahan serta garis-garis panduan kepada Perwakilan Malaysia di luar negeri supaya memberi perhatian yang lebih terhadap hal-hal ekonomi.
- (4) Menghantar pegawai-pegawai berkursus di dalam dan luar negeri dalam bidang ekonomi.
- (5) Mempereratkan hubungan dengan semua agensi-agensi Kerajaan bagi mempertingkatkan kefahaman dan keberkesanan pegawai-pegawai Kementerian dalam hal-hal ekonomi.

Isu Palestin

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua ketahui, kekejaraan dan keganasan Israel ke atas rakyat Palestin telah sampai ke tahap yang di luar perikemanusiaan. Kami semua menyanjung di atas sokongan Kerajaan Seri Paduka ke atas perjuangan rakyat

Palestin bagi mengembalikan hal mutlak mereka di bumi Palestin. Rakyat negara ini juga telah menunjukkan simpati mereka dengan menghulurkan derma-derma ikhlas kepada tabung Palestin. Tetapi satu perkara pokok yang perlu kita ingat ialah perjuangan kita menentang Zionis dan agen-agen Zionis yang berhasrat menakluki seluruh dunia.

Israel akan menggunakan mana-mana juga negara bagi memperkembangkan cita-cita jahat zionismnya termasuklah menggunakan kuasa-kuasa besar.

Perdamaian dan pergeseran di Timur Tengah melibatkan juga peraturan politik kuasa-kuasa besar dunia. Di dalam pendedahan **teratur** di Amerika Syarikat, Israel telah berselindung di sebalik penubuhan Jawatankuasa Hal Ehwal Awam Amerika-Israel (AIPAC) dengan menggunakan pengaruh dan keganasan lobi Yahudi dalam pentadbiran Amerika Syarikat hingga seorang Senator tersisir daripada Kongres Amerika.

Yahudi menggunakan kuasa lobinya yang kuat dengan mengeksploitasi nilai-nilai kebanggaan orang-orang Amerika seperti kebebasan bersuara, kebebasan akademik dan komitmen terhadap hak asasi manusia untuk kepentingan Israel.

Jelaslah bahawa perjuangan mengembalikan hak mutlak Palestin bukan terletak di bumi Palestin sahaja tetapi juga pengaruh-pengaruh Zionis di negara-negara kuasa dunia.

Keselamatan Dalam Negeri

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sentiasa diperingatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda supaya sentiasa berwaspada terhadap kegiatan-kegiatan anasir komunis dan golongan-golongan anti-nasional yang mengeksploitasi berbagai-bagai isu untuk mewujudkan huru-hara yang meajejaskan keselamatan negara.

Pendedahan Kerajaan menerusi Kertas Putih yang bertajuk "Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara", jelas menunjukkan penglibatan keji pihak komunis kepada segala isu-isu sensitif yang berlaku di negara **ini**. Eksplotasi ini bertujuan memajukan objektif Parti Komunis Malaya (PKM) untuk merampas kuasa dan menujuhkan sebuah negara komunis.

PKM mengatur dakyah-dakyah dan propaganda yang halus sesuai dengan sensitiviti dan rasa ketidakpuasan hati setiap kaum di negara ini. PKM juga telah berusaha menggerakkan semula kegiatan militan di kalangan pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar Melayu di luar negeri dengan menyediakan pemikiran mereka kepada kefahaman komunisme. Apa yang lebih mendukacitakan ialah penglibatan individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan yang memperalatkan agama untuk kepentingan diri sendiri dengan sifat-sift melampau dan cuba mencapai hasrat mereka dengan cara kekerasan dan di luar Perlembagaan .

Pengeksplorasiyan pelbagai isu sensitif berbentuk perkauman dan tindakbalas-tindakbalas dari penyokong-penyokong Kerajaan telah menyebabkan satu reaksi yang berangkaian atau, dengan izin, 'vicious circle' yang boleh menjelaskan keselamatan negara . A p a t a h lagi wujudnya pula akhbar-akhbar yang membakar dan menyemarakkan perasaan semua kaum di negara ini kepada setiap isu yang timbul .

Walau bagaimanapun, berkat kebijaksanaan dan budibicara pemimpin-pemimpin dan kerjasama rakyat , kita telah dapat melintasi keadaan mencemaskan itu dengan tenang.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua menyokong di atas segala tindakan wajar yang diambil oleh Kerajaan Seri Paduka bagi mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan negara .

Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh hormat dan takzim, izinkan saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

4.21 ptg.

Dato' Tan Peng Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dilafazkan pada masa membuka Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang tercatat dalam Titah Ucapan **itu**, saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua untuk membacakan paragraf permulaan iaitu:

"Dengan izin Allah, sejak merdeka negara kita terus aman dan berjaya mengekalkan sistem demokrasi berparlimen, sekalipun menghadapi berbagai-bagai cabaran. Ini semua adalah berkat bakti dan pengorbanan para pemimpin dan pejuang kemerdekaan yang mempunyai semangat kesetiaan dan cintakan negara mengatasi kepentingan peribadi; ianya telah berjaya membina asas-asas perpaduan rakyat berdasarkan sikap toleransi dan saling hormat menghormati sehingga kedaulatan negara dapat dipertahankan dan kemajuan dapat tercapai. Semangat inilah yang perlu kitakekalkan supaya kemajuan negara dapat dipertingkatkan lagi."

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak saya sendiri, paragraf permulaan yang saya baca sebentar tadi adalah dengan harapan supaya pemimpin-peraimpin yang sedia ada pada masa sekarang dan juga pada masa-masa yang akan datang seritisas akan mengingati serta mengamalkan semangat yang telah diamalkan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan pada masa negara kita menuntut merdeka 31 tahun dahulu. Bukan hanya mengekalkan sahaja tetapi hendaklah dipertingkatkan lagi dan diharap juga, supaya setiap rakyat dalam negara kita ini tidak kira keturunannya akan mengambil langkah-langkah seperti mana yang telah ditekankan dalam Titah Ucapan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun negara kita telah menghadapi berbagai-bagai cabaran dan krisis semenjak kemerdekaan tetapi dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin tertinggi dari semasa ke semasa

telah dapat mengatasi segala-galanya. Kesemua ini tidak akan dapat dihasilkan jika tidak ada kerjasama dari semua kaum dan semua lapisan rakyat. Kita hendaklah juga sentiasa mengkaji segala pengalaman-pengalaman pahit yang telah kita lalui.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Baginda memerintah negara kita, sungguhpun kita menghadapi kemelesetan ekonomi sedunia, tetapi sekali lagi dengan kerjasama dan persefahaman dari semua kaum, maka kitn dapat memulihkan ekonomi negara kita dengan cara beransur-ansur sehingga Kerajaan kita dapat menarik pelaburan modal dari luar dan jalam negeri dengan begitu banyak sekali. Kita berasa amat **her**-bangga atas kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda merupakan Yang di-Pertuan Agong yang adil dan yang telah memerintah negara kita atas dasar dan corak sebuah masyarakat berbilang keturunan yang menjadi rakyat Malaysia. Dalam Titah Ucapan Baginda, Baginda telah menitek-beratkan perpaduan rakyat ini membuktikan kepada kita semua bahawa Baginda sentiasa memberi perhatian yang utama dan serius terhadap soal perpaduan rakyat . Sekiranya perpaduan di antara semua kaum dalam negara kita tidak wujud lagi, maka sudah tetap keamanan, kemakmuran dan kestabilan negara yang sedia ada akan musnah, Dalam hubungan ini peristiwa-peristiwa yang telah dialami oleh kita semua patut dijadikan sebagai pengajaran kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambut saranan Baginda, maka kita semua sebagai pemimpin-pemimpin di berbagai-bagai peringkat serta seluruh rakyat Malaysia hendaklah berpegang teguh kepada nilai-nilai yang dilafazkan oleh Baginda seperti bersikap toleransi dan saling hormat menghormati serta mampunya semangat kesetiaan dan cintakan negara .

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun dasar-dasar Kerajaan saya percaya kejayaan terletak kepada pencapaian kerjasama dan perpaduan rakyat. Oleh yang demikian, izinkan saya mencadangkan supaya Kerajaan kita hendaklah mengambil langkah-langkah yang lebih **realistik, positif dan efektif** bagi mencapai matlamat -perpaduan negara.

Saya berasa dukacita kerana negara kita telah merdeka selama lebih kurang 31 tahun, tetapi soal perpaduan masih jadi satu masalah utama. Sungguhpun sebentar tadi dalam masa pertanyaan bagi Jawab Mulut telah juga dibangkitkan perkara mengenai langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memupuk dan memperbaiki hubungan antara kaum di Malaysia dan kita telah diberi jawapan dan penjelasan sedikit sebanyak oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, saya berpendapat iaitu rancangan-rancangan atau program-program yang telah dan sedang dilaksanakan itu tidak memberi kesan yang memuaskan. Oleh yang demikian, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap perkara ini lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa yang lampau, Kerajaan kita mempunyai satu Lembaga yang dinamakan Lembaga Perpaduan Negara yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan dipengerusikan oleh seorang Menteri kalau tidak silap saya. Tetapi pada masa sekarang kita tidak dengar apa sudah terjadi terhadap Lembaga itu, senyap sahaja, sama ada masih wujud lagi atau tidak dan jika wujud siapa pengerusinya.

Izinkan saya mengesyorkan supaya dihidupkan semula Lembaga ini dan diberikan tempat serta kedudukan yang sewajarnya dengan seorang Penggerusi yang mempunyai cukup pengalaman serta pengaruh yang tinggi, Status dan kedudukan jawatan ini janganlah dipandang rendah oleh Kerajaan. Beberapa Timbalan Penggerusi atau Naib Penggerusi juga hendaklah dilantik yang terdiri daripada berbagai-bagi kaum. Peruntukan yang cukup hendaklah disediakan untuk membolehkan Lembaga ini melaksanakan program-program yang benar-benar akan memberi manfaat terhadap mencapai objektifnya. Lembaga ini hendaklah juga

diwujudkan di semua peringkat iaitu daripada peringkat nasional sehingga ke peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat daerah dan sekiranya boleh di peringkat mukim-mukim juga. Mesyuarat-mesyuarat hendaklah sentiasa diadakan untuk membolehkan ahli-ahli jawatan-kuasa membincangkan semua masalah yang dihadapi dengan cara terusterang dalam bilik mesyuarat sehingga dapat mencapai satu perse-tujuan yang agak boleh diterima oleh semua kaum berpandukan kepada sikap toleransi dan hormat-menghormati satu sama lain. Lembaga ini hendaklah sentiasa mencari jalan dan berikhtiar supaya pembinaan jambatan-jambatan persaudaraan dan perpaduan antara kaum dapat di-perbanyakkan lagi khususnya di peringkat mukim-mukim dan kampung-kampung. Tujuan utama Lembaga ini hendaklah mencapai unity, dengan izin, dan bukan uniformity di antara semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan iaitu untuk menuju ke matlamat perpaduan, suka atau tidak, terpaksa kita dapat membincang segala perkara atau masalah melalui satu bahasa yang boleh difahami oleh semua kaum. Bahasa itu telah diterima oleh semua kaum iaitu Bahasa Malaysia. Oleh yang demikian, Lembaga Perpaduan hendaklah bertanggungjawab memperhebatkan usaha menanamkan cintakan Bahasa Melayu di kalangan rakyat bagaimana telah dibuat pada masa-masa yang lampau.

Saya tidak tahu apa sebabnya usaha ini telah dihenti atau ditamatkan kerana pada masa itu berbagai-bagai pegawai telah digajikan untuk menggalakkan penduduk-penduduk di luar kawasan bandar mempelajari Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, dasar-dasar yang terkandung dalam Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru adalah dasar yang telah dibincang dan dihalusi oleh semua pemimpin-pemimpin kaum dan juga

telah diterima untuk dilaksanakan. Semangat dasar ini hendaklah dipatuhi dengan sebenar-benarnya oleh semua jabatan dan pegawai-pegawai Kerajaan. Sekiranya didapati ada apa-apa penyelewengan, hendaklah dengan serta merta dibetulkan supaya jangan dibenarkan penyelewengan itu berlarutan sehingga ada setengah-setengah kaum yang berasa tidak puas hati dan frustrated.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh perkara perpaduan dengan secara panjang lebar oleh kerana saya berpendapat iaitu sekiranya perpaduan di antara kaum tidak wujud, maka tidak ada guna kita membincangkan perkara-perkara yang lain kerana sudah tidak ada basis. sepetimana yang telah disebutkan lebih awal, keamanan dan kemakmuran akan musnah jika tidak ada perpaduan antara kaum dan pada waktu itu tidak ada makna lagi kita membincangkan perkara pembangunan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya mempunyai keyakinan dan menaruh harapan yang tinggi bahawa di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, Perdana Menteri kita dan rakan-rakan Kabinetnya, Kabinet akan memberi timbalan yang istimewa terhadap perkara perpaduan kaum dan akan menghidupkan Lembaga Perpaduan Negara supaya Lembaga ini akan dapat memainkan peranan yang lebih giat dan positif demi kepentingan rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengambil bahagian dalam perbahasan Usul ini maka saya tidak berhajat menyentuh perkara-perkara yang lain, memadailah saya tekan kuat mengenai masalah perpaduan negara kerana saya berpendapat bahawa perkara ini adalah amat mustahak dan penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini sekali lagi ingin saya mengulangi sokongan saya terhadap Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim**. Masalah di hadapan Majlis sekarang ialah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil dari-pada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapah Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh."

dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat **Tuan Azman Atar bin Othmah**.

4.41 ptg.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang saya mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berlangsung pada 7hb Mac ketika pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Yang Ketujuh.

Saya menyokong penuh atas Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang merangkumi segenap bidang iaitu perpaduan, bahasa, keselamatan dan keamanan negara, ekonomi serta pelancongan dan dasar-dasar luar negeri dan lain-lain lagi. Ia adalah menunjukkan suatu keikhlasan, niat suci dan doa serta harapan yang mula dari Seri Paduka Tuanku untuk melihat kesejahteraan dan keharmonian kehidupan rakyat dari segenap lapisan masyarakat di negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ingin melihat rakyat jelatanya memberikan sokongan yang tidak berbelah-bahagi kepada pimpinan Perdana Menteri yang dilantik sendiri oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Apa yang menyedihkan saya, ada suara-suara sumbang dan ucapan-ucapan sindiran oleh parti pembangkang di dalam Dewan Rakyat seolah-olah Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu ditulis oleh Perdana Menteri kita sendiri atau dari pemimpin Barisan Nasional.

Bagi saya, pihak-pihak yang mempersoalkan niat ikhlas dan nasihat secara berterus terang dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku, adalah merupakan rakyat yang berfikiran negatif dan cetek pemikiran serta tidak layak memegang taraf warganegara Malaysia yang tercinta ini dan juga ucapan mereka seolah-olah tidak menghormati kedaulatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Agong juga selaku payung kepada rakyat jelata. Saya percaya jika di zaman silam dulu mereka-mereka ini akan dihukum sebagai penderhaka kepada Raja dan hukumannya adalah buang negeri ataupun lebih teruk lagi daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, mereka-mereka yang menyuarakan suara-suara sumbang ini adalah terdiri daripada golongan-golongan yang menganggap bahawa negara kita mengamalkan sistem demokrasi ala-British di mana mereka boleh bercakap apa sahaja tanpa memikirkan keselamatan negara, bahawa rakyat Malaysia merangkumi dari berbagai-bagai golongan kaum yang menganuti berbagai-bagai agama dan kebudayaan. Walhal negara British tidak mempunyai masalah perkauman kerana mereka terdiri dari satu kaum majoriti yang sama bahasa, kebudayaan serta anutan agama. Mereka lupa bahawa suara-suara sumbang mereka apabila menyentuh kesetiaan kepada pemimpin agama dan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja adalah satu perkara yang paling sensitif bagi orang-orang Melayu khasnya.

Dalam hal ini saya menyeru kepada Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil tindakan tegas kepada sesiapa sahaja pemimpin yang cuba untuk memperkecil-kecilkan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu dan ingin melihat negara kita di dalam kancang huru-hara. Pada saya, saya ingin pasukan keselamatan bertegas di dalam perkara ini. Patut tangkap, tangkap sahajalah mereka-mereka ini dengan peruntukan undang-undang ISA yang telah sedia ada.

Dari segi keselamatan untuk menentukan negara Malaysia aman damai, agar rakyat dapat hidup dengan perasaan harmoni dan hormat-menghormati di antara satu sama lain dari semua kaum dan kebudayaan serta agama kaum masing-masing, maka saya mencadangkan supaya Kerajaan mesti mula membendung dan membanteras pelampau-pelampau dan ekstremis-ekstremis yang boleh membawa pengaruh yang boleh menimbulkan huru-hara dalam negara kerana apabila negara sudah tidak selamat kita jangan mimpi yang negara kita akan mempuayai ekonomi yang baik.

Saya berpendapat perkara ini harus dibendung, Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau kita tidak bertindak dari sekarang maka saya percaya negara kita akan merupakan sebuah negara yang sentiasa di dalam keadaan huru-hara. Maka pelabur-pelabur akan mula takut untuk datang melabur dan saya percaya ekonomi negara kita akan bertambah teruk. Oleh itu pasukan keselamatan khasnya pasukan Polis terpaksa bekerja kuat untuk menentukan gejala pelampau-pelampau ini mesti diambil tindakan. Kempen-kempen kotor yang saya difahamkan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, melalui majlis-majlis agama, contohnya majlis Israk dan Mikraj pada mulanya mereka bercakap masalah agama, selepas itu mulalah mereka mengumpulkan orang-orang atau penyokong-penyokong mereka semata-mata untuk mendengar ceramah-ceramah menghentam pimpinan Kerajaan yang ada sekarang.

Maka saya berharap sangat-sangat terutamanya kepada pasukan Polis yang menjalankan tugas ini jangah peduli walaupun ianya merupakan satu majlis di dalam masjid tetapi kalau apa yang disampaikan oleh penceramah itu terkeluar daripada ajaran Islam maka sila ambil tindakan, tangkap sahaja mereka-mereka **ini**. Kalau kita tidak bendung negara kita daripada sekarang saya percaya 10 tahun yang akan datang untung nasib generasi kita akan datang akan lebih teruk menghadapi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, terutamanya saya amat kecewa di atas sikap Pembangkang DAP dan PAS yang mana DAP telah menuduh Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia adalah merupakan satu Titah Ucapan seolah-olah Duli Yang Maha Mulia sudah campur di dalam gelanggang politik. Begitu juga PAS. PAS seolah-olah mengejek Duli Yang Maha Mulia kononnya kalau boleh Titah Ucapan **Duli** Yang Maha Mulia itu dibawa ke pilihanraya kecil Tanjong Puteri. Ini menunjuk kedua-dua parti ini adalah merupakan parti perkauman. Kalau DAP adalah merupakan parti perkauman orang-orang Cina dan PAS pula adalah merupakan parti perkauman orang-orang Melayu. Saya mencadangkan kalau boleh Kerajaan mengharamkan kedua-dua parti ini kerana selagi kedua-dua parti ini diberikan peluang untuk terus menerajui parti masing-masing maka saya percaya kita tidak akan mimpi untuk mendapatkan satu keamanan yang baik, harmoni di antara semua kaum di dalam negara kita .

Tuan Yang di-Pertua, terutamanya kepada parti PAS parti ini bernama Parti Islam Semalaysia. Pada saya Tuan Yang di-Pertua, kita harus bertindak dari sekarang dan saya mencadangkan Kerajaan supaya apa juga bentuk parti yang ada kaitan dengan nama agama itu sendiri mahupun agama Islam, agama Buddhist, agama apa juga maka tidak seharusnya Kerajaan membenarkan parti ini ditubuhkan kerana ini akan mengelirukan rakyat jelata terutamanya kepada penganut-penganut masing-masing. Jadi, dengan itu saya mencadangkan sekali lagi dengan adanya kedua parti ini yang memain sentimen perkauman masing-masing ini antara DAP dengan PAS maka saya percaya kita tidak dapat menikmati keharmonian yang begitu kita hajat-hajatkan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah supaya semua rakyat Malaysia bersatupadu demi untuk keamanan dan kemakmuran negara yang kita cintai . Seharusnya kita menyokong sepenuhnya terhadap Titah Ucapan Baginda kerana slogan bersatupadu adalah salah satu **ciri-ciri nilai Islam**.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyarankan supaya kita bersatupadu dari menggunakan Bahasa Malaysia sebagai alat perpaduan haruslah disanjung tinggi juga. Kita telahpun merdeka selama 30 tahun. Tentu sekali Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan kita telahpun dapat dikuasai dengan baik oleh segenap lapisan masyarakat dan tentu sekali saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa bahasa dapat menyatupadukan bangsa di kalangan rakyat di negara ini akan tercapai tanpa banyak masalah lagi, insya Allah. Sepatutnyalah Bahasa Malaysia yang kita cintai ini tidak lagi dipersoalkan oleh mana-mana pihak kerana niat kita ikhlas iaitu untuk menyatupadukan rakyat Malaysia .

Saya ingin menyeru supaya Kerajaan bertegas di dalam dasar pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai alat perpaduan dan keagungan Bahasa Malaysia hendaklah diutamakan dari bahasa penjajah iaitu bahasa Inggeris.

Saya juga menyeru supaya Kerajaan mempercepatkan penggunaan Bahasa Malaysia di bidang perundangan dari segi pentadbiran dan setiap perbicaraan hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia untuk meletakkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan jangan lagi terikut-ikut dengan gelagat penjajah British hinggakan susah bagi kita untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah .

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia yang begitu ikhlas , yang ingin melihat rakyatnya hidup aman damai, yang ingin melihat rakyatnya hidup di dalam ekonomi yang begitu baik di dalam negara daripada berbilang kaum **ini**. Maka kalau kita ingin melihat apa juga hasrat dan niat suci daripada Duli Yang Maha Mulia di dalam Titah Ucapan itu maka kita harus sama-sama mengambil berat dan akan sama-sama bertanggung-jawab di dalam menentukan semua pelaksanaan dasar-dasar yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara di dalam menentukan supaya dasar ini dapat dipergunakan oleh pihak Kerajaan untuk kepentingan rakyat jelata.

Kepada pihak-pihak yang memahami corak pentadbiran dalam negara kita **ini**, saya ingin menyentuh kepada sesiapa juga bahawa di dalam corak pemerintahan demokrasi yang ada wujud dalam negara kita ini bahawa mereka haruslah faham bahawa di bidang kuasa yang menentukan semua perkara-perkara dan undang-undang untuk pentadbiran negara ini adalah dari kuasa rakyat kerana rakyat telah memilih wakil-wakilnya untuk duduk di dalam Dewan Rakyat dan membuat undang-undang dan dilulus pula oleh Dewan Negara. Maka sesiapa juga yang mewakili rakyat yang dipilih di dalam pilihanraya maka mereka berhak menentukan sebarang Rang Undang-undang untuk dipergunakan kepada pentadbiran negara kita . Maka dengan adanya pindaan ataupun apa juga bentuk undangan yang diwujudkan oleh Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr . Mahathir Mohamed, maka tidak seharusnya ada pihak-pihak yang masih meragui ataupun masih mempersoalkan kerana Yang Amat Berhormat selaku pemimpin yang diberi mandat oleh rakyat maka beliau berhak untuk menentukan corak pentadbiran di bawah pimpinannya sendiri sebagai satu corak pentadbiran

yang boleh menguntungkan rakyat. Jika sekiranya ada perkara-perkara di dalam satu-satu undang-undang yang didapati tidak begitu kuat, tidak begitu dapat digunakan dengan sebaik-baiknya maka Yang Amat Berhormat sebagai Perdana Menteri yang bertanggungjawab di dalam pentadbiran negara berhak untuk membuat sebarang pindaan. Maka bila ada pindaan-pindaan maka tak sepatutnya ada lagi pihak-pihak yang ingin mempersoalkan atas bidang kuasa Yang Amat Berhormat sebagai Perdana Menteri yang diberi mandat oleh pilihanraya di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalaularah rakyat semua dapat memahami atas tugas dan tanggungjawab masing-masing dan saya percaya negara kita akan merupakan sebuah negara contoh di dalam dunia kerana negara kita adalah merupakan sebuah negara yang diduduki oleh semua kaum dan sesiapa yang menjadi pemimpin di dalam negara yang datangnya dari berbagai kaum maka dia adalah merupakan pemimpin jaguhan dan pemimpin yang menjadi teladan kerana bukan senang hendak menyatupadukan rakyat. Jadi, di dalam usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk menyatupadukan rakyat dan membawa rakyat hidup segala-galanya di dalam keselisaan, maka saya harap pihak-pihak palampau dan ekstrimis-ekstrimis yang telah diberi peluang mengikut amalan demokrasi bertanding di dalam apa corak pertandingan sekali-pun apabila sudah tewas di dalam pertandingan harus menghormati kepada keputusan demokrasi itu sendiri, walaupun seorang itu telah menang dengan satu undi maka itu adalah satu amalan demokrasi dan kalau kita ingin bercakap demokrasi maka kita harus menghormati keputusan demokrasi itu sendiri .

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya juga ingin memberi peluang kepada kawah-kawan yang lain untuk sama turut membahas Ucapan Titah

Di-Raja oleh kerana mungkin sahabat-sahabat saya yang lain akan menyentuh di sekitar ekonomi maka pada saya , saya ingin menumpukan kepada keselamatan dan keamanan begitu juga perpaduan rakyat di kalangan semua kaum di dalam negara kita .

Maka dengan **i tu**, saya menyokong penuh di atas Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** dalam Ucapan Titah Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di—Pertua: Yang Berhormat **Tuan Lau Keng Siong**.

5.00 ptg.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syukur dan menjunjung terima kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sungguhpun pendek, tetapi ikhlas dan semuanya apa yang dikehendakkan oleh rakyat atau Kerajaan semua ada dalam Titah Ucapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Rukunegara kita pada masa sekarang telah dilupai oleh rakyat jelata. Saya suka mengingatkan sekiranya boleh Kabinet memutuskan buat satu keputusan, tiap-tiap Jabatan Kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan mesti tunjukkan Rukunegara. Kalau tiap-tiap rakyat boleh patuh kepada Rukunegara kita, aaya fikir kita tak payah pemimpin, semua orang boleh faham dalam Rukunegara kita apa isinya. Jadi sekarang saya fikir kebanyakan orang sudah lupa Rukunegara kita. Nampaknya di Jabatan-jabatan Kerajaan langsung tak ada 'display', dengan izin, Rukunegara. Saya harap di Dewan kita pun hendaklah display Rukunegara yang semua orang boleh nampak. Jadi, semua orang bila nampak Rukunegara, apa dinyatakan di dalam Rukunegara semua orang bolehlah lebih faham dan boleh tambah muhibah dan perpaduan.

Perpaduan pada hari ini di negara kita, tuan-tuan dan puan-puan sekalian maklum, ada bertambah baik atau bertambah buruk? Saya fikir mengenai perpaduan ini, kita ada pegawai-pegawai perpaduan di tiap-tiap daerah, berapa kali satu tahun dipanggil mesyuarat perpaduan antarabangsa, melainkan ada perkara berlaku sahaja panggil

mesyuarat, kita hendak perpaduan. Itu sahaja saya fikir. Itu tak patut. Patut perpaduan tiap-tiap hari diadakan, tiap-tiap bulan, tiap-tiap minggu. Jadi, tiap-tiap bangsa, tiap-tiap rakyat jelata di negara kita boleh faham negara ini bukan untuk satu bangsa, untuk tiap-tiap bangsa, tiap-tiap kaum rakyat jelata.

Tuan-tuan sekalian maklum, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia tidak lupa rakyat jelata, terutama sekali orang-orang miskin, Kerajaan, Wakil Rakyat, Senator. Saya fikir sekiraaya negara kita tidak ada rakyat, tidak ada Kerajaan, tidak ada Menteri-menteri, tidak ada Kabinet, tak ada Senator-senator, tak ada Ahli-ahli Dewan Rakyat. Kuasa penuh ini terpulang kepada rakyat jelata. Jadi, kalau kita pandangkan masa sekarang banyak lagi rakyat yang miskin yang duduk di rumah atap, berdinding dengan papan yang buruk-buruk, tiang bergoyang-goyang, tetapi orang yang duduk di rumah-rumah yang besar telah terlupa. Jadi, saya fikir Kerajaan pun ada ambil langkah-langkah dengan apa cara hendak mengatasi perkara ini, tetapi sampai masa sekarang kalau kita pergi Ulu Kelantan atau tempat hulu-hulu, kita boleh pandang rakyat masih miskin lagi, tak cukup makan. Jadi, kalau rakyat seperti itu kita tak simpati, tak patutlah. Jadi, bermakna perpaduan ini terpulang kepada semua golongan, terutama sekali Jabatan Perpaduan patut ambil lebih langkah, lebih tegas, patut beri penerangan yang lebih tegas kepada orang ramai kedudukan negara kita pada hari ini macam mana. Ekonomi pada hari ini saya fikir pun sudah bertambah baik. Jadi bertambah baik kalau tak ada kerjasama oleh semua golongan, saya fikir pun hendak tambah berapa baik pun tak boleh capai.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dadah pada masa sekarang di negara kita sampai hari ini tak boleh hapuskan dadah ini apa sebab? Kalau kita hendak kerjasama rakyat dengan Kerajaan, dengan Polis hendak kerjasama 100% saya fikir tak ada satu benda kita tak boleh capai. Kalau betul-betul hendak kerja, saya fikir pada hari ini macam manapun dadah dalam negeri boleh dihapuskan - boleh dihapuskan. Orang yang hisap dadah kalau kita beberapa tahun yang lalu baca di suratkhabar, dalam penjara pun ada orang hisap dadah, apa sebab? Takkannya dadah boleh masuk sendiri, ada kaki boleh jalan - tak ada [Ketawa]. Jadi, tengok ada agensi juga. Inilah kita patut timbang balik, ambil tindakan yang keras. Kalau pegawai-pegawai itu tidak bertanggungjawab, terus-menerus buangkan kerja, ada banyak orang yang tunggu-tunggu tidak ada kerja. Kalau kita banding ada orang kena tahan di Pulau Jerejak pun ada orang dapat lari juga, apa sebab? Ini kita mesti hendak kais dengan sehalus-halusnya, mesti hendak hukum dengan cara sepenuh-penuhnya kepada pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab penuh.

Kita tahu, kita sebagai kakitangan Kerajaan dibayar gaji oleh rakyat jelata. Rakyat jelata tidak kira bangsa, mereka bayar cukai kepada Kerajaan, mereka harap Kerajaan dipilih oleh rakyat boleh tanggung 100% kepada mereka. Kalau kita bandingkan pada masa sekarang, saya sendiri nampak dengan mata saya kalau pagi-pagi kita pergi pejabat hendak bayar cukai pukul 8.00 tetap tidak boleh bayar cukai, tetapi kita tunggu sana sampai 8.30 lebih baru mulakan kerja. Apa sebab kita hendak susahkan rakyat jelata yang datang dari hulu-hulu, jauh, hendak tunggu di sana? Saya sebagai Senator nampak sendiri pun tunggu begitu, saya senyap sahaja, tetapi saya ada peluang, saya mesti bawa dalam Dewan yang mulia **ini**. Sekiranya saya tak bawa, ada dosa kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau semua rakyat, kakitangan Kerajaan semua ada ingat, Ahli Dewan Rakyat ada ingat 'saya dipilih oleh rakyat', patutlah penuh bertanggungjawab. Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia pun ada sebut, Ahli Dewan Rakyat dengan Ahli Dewan Negara mesti memberi contoh yang baik, mesti kerja kuat untuk kepentingan rakyat jelata, tidak kira bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir di dalam ini Tuanku bertitah dengan terus terang. Duli Yang Maha Mulia Tuanku di dalam Titah Ucapannya pun ada menyebut berkenaan dengan pelancongan. Pelancongan pada masa sekarang saya fikir adalah bertambah baik, tetapi saya harap Kerajaan kita yang dipilih oleh rakyat jelata, kalau orang luar negeri hendak datang ke negara kita, hendak membuka kilang-kilang dan sebagainya, hendaklah dengan ikatan yang 100%, kita boleh memberi mereka kesenangan sedikit. Jadi ramai pelancong dari luar negeri boleh masuk ke negeri kita untuk bermiaga. Apabila ramai pelancong masuk ke negeri ini bermiaga, kita boleh mengatasi pengangguran.

Pengangguran pada masa sekarang adalah bertambah, tidak ada berkurangan. Kalau satu orang muda yang lulus atau keluar dari universiti-universiti, mereka tidak ada kerja, hendak minta wang tunai daripada ibu bapa \$1-\$2 macamana fikiran mereka? Tentu mereka fikir lain, mereka ada pengalaman yang tinggi, ada pelajaran yang tinggi, tetapi tidak ada kerja. Kita selalu cakap, tetapi mereka itu ikut cakap kita atau tidak? Kalau seorang rakyat mulut dengan hatinya sama, kalau mulut dan hati sama, tiap-tiap perkara boleh diselesaikan, kalau mulut dengan hati tidak sama, hendak cari kekayaan, saya fikir minta mereka meletakkan jawatan.

Di negara kita ramai orang miskin tetapi saya tengok ada satu golongan yang mana kaya bertambah kaya lagi, apa sebabnya? Orang miskin yang betul-betul hendak minta tanah selalu kena tolak sampai 2-3 tahun baru jawab. Permohonan "awak" tidak berjaya, mengapa

kalau rakyat jelata yang memohon melalui surat kepada Kerajaan tidak boleh dijawab dalam masa 1-2 minggu. Slogan kita "Bersih, Cekap dan Amanah", kalau slogan Yang Amat Perdana Menteri ini betul-betul diikuti, apa perkara pun boleh selesai.

Berkenaan dengan soal rasuah, kalau tidak ada orang memberi rasuah, orang yang memegang jawatan Kerajaan tidak menerima rasuah, mana ada rasuah? Apabila ada orang memberi rasuah, ada orang menerima rasuah sampai bilapun rasuah tidak boleh dihapuskan, jadi hati dan mulut hendaklah sama.

Saya sudah sebut banyak kali, Malaysia ini adalah negara berbilang bangsa, kita boleh duduk dalam negara Malaysia seperti adik-beradik. Ini kerja Tuhan, kita sepatutnya mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Tuhan.

Mengenai perpaduan antarabangsa juga hendaklah dijaga betul-betul, jangan sampai rakyat jelata tidak suka, tidak puas hati, masa itu kita baru cuba hendak selesai, saya fikir ini tidak patut. Awal-awal lagi kita mestilah sedia, "Sebelum hujan kita mesti sediakan payung", bukan apabila hujan sudah sampai baru hendak mencari payung itu susah.

Saya berharap di masa akan datang Ahli-ahii Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat, anggota Kabinet, rakyat jelata, Pertubuhan-pertubuhan, parti-parti semua boleh bekerjasama seperti satu keluarga yang besar untuk kepentingan negara kita, untuk kepentingan rakyat jelata kita. Jadi apabila tiap-tiap orang bertikir macam itu negara kita boleh kuat, boleh maju, mempunyai perpaduan dan muhibah, jadi kita ambil peluang ini untuk bersama-sama menyokong Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia pada 7hb Mac, 1988. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Tuan G. Rajuo.**

5.16 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Usul Merakamkan Sembah Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang berkenan merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh baru-baru ini;

Titah Ucapan Baginda telah menyentuh segala aspek pembangunan negara dan integrasi nasional bagi mewujadkan sebuah negara yang maju, aman, stabil, makmur bersatu-padu dan bertoleraasi.

Titah Ucapan Baginda meagandungi nasihat yang bernalas dan harus Diberi perhatian yang serius dan mendalam. Baginda telah menyentuh dan menasihatkan parti-parti politik, Pertubuhan-pertubuhan dan akhbar-akhbar bersikap bertanggungjawab dan sederhana dalam semua tindakan dan kenyataan mereka semoga tidak menjelaskan perpaduan negara. Dalam aspek ini amatlah wajar bagi Kerajaan mengeluarkan Kertas Putih yang membongkarkan bagaimana ahli-ahli politik, komunis, religious extremist dan lain-lain kumpulan pressure group, ingin mencetuskan huru-hara dan mengeksplorasikan isu-isu sensitif yang bercorak 'communal' dengan tujuan menjatuhkan Kerajaan yang dipilih memalui proses demokrasi.

Situasi yang diwujudkan oleh pihak-pihak yang tertentu ini menjadi amat genting dan penangkapan beberapa orang yang terlibat dalam komplot ini telah mententeramkan keadaan keamaaan negara ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pihak Polis yang bertindak begitu cepat dan tepat untuk mengawal keadaan agar peristiwa Mei 13 tidak berulang lagi.

Kertas Putih yang dibentangkan dalam Parlimen baru-baru ini jelas menggambarkan beberapa sophisticated, plan yang strategik pihak-pihak yang tertentu ini untuk mencetuskan huru-hara, menghapuskan perpaduan kaum dan akhirnya menjatuhkan Kerajaan. Mengambil kesempatan ini ada pula sekumpulan ahli-ahli politik menjatuhkan imej dan memperkecilkan usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kepimpinan beliau di dalam dan di Luar negeri, kerana kefahaman politik yang berlainan. Mereka sedia menggadaikan keamanan negara dan perpaduan rakyat bagi tujuan sempit mereka. Walaupun demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjaya mengawal keadaan, bertindak dengan penuh bertanggungjawab dan berjaya mengawal keselamatan dan keamanan negara. Tindakan-tindakan beliau mendapat sokongan yang begitu baik di kalangan rakyat dan ini jelas membuktikan populariti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di negara **ini**.

Sebagai rakyat yang bertanggungjawab di negara **ini**, kita harus memahami tugas dan tanggungjawab utama Kerajaan adalah untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara ini. Rakyat hendaklah memainkan peranan dengan bekerjasama dengan Kerajaan bagi mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatupadu dan prugresif,

Tuan Yang di-Pertua, saya bangga dengan kedudukan ekonomi negara dalam tahun 1987 telah beransur pulih. Kedudukan ekonomi

yang lebih mantap ini adalah didorong oleh harga komoditi yang kukuh dan prestasi eksport yang menggalakkaa. Walaupun demikian, Kerajaan haruslah berwaspada terhadap sabotaj dari negara-negara yaug maju, yang ingin menjatuhkan harga pasaran barang mentah keluaran negara **ini**, dan menggalakkan negara-negara maju supaya jangan membeli barang keluaran negara ini.

Kononnya barang pengeluaran negara ini adalah kurang bermutu dan membahayakan kesihatan. Kempen sabotaj seperti ini dijalankan dengan begitu rapi dan subtle di luar negeri dan kita tidak dapat mengawal dengan sepenuhnya. Walaupun demikian,. Kerajaan telah berjaya mematahkan kempen Amerika Syarikat terhadap pasaran minyak kelapa sawit dan meningkatkan lagi penjualan minyak kelapa sawit di pasaran dunia. Akan tetapi, kita belum berjaya mematahkan kempen negara-negara Eropah yang berkempen kononnya bahawa kayu balak dari negara ini bermutu rendah dan tidak sesuai bagi continent mereka.

Saya merayu kepada Kerajaan supaya berkempen dengan lebih agresif lagi agar menentukan dan membuktikan kepada negara-negara di dunia ini bahawa barang keluaran negara ini tidak kurang mutunya dan adalah barang yang berstandard tinggi. Pada masa sama Kerajaan hendaklah mempastikan bahawa kawalan yang ketat dikenakan untuk menentukan barang keluaran negara ini bukanlah barang yang sub-standard tetapi kualiti tinggi. Jika terdapat satu atau dua pengeksport yang menipu dengan mengeksport barang yang tidak bermutu, tindakan yang sekeras-kerasnya hendaklah diambil. Lesen-lesen pengeluaran mereka hendaklah ditarik balik agar ianya menjadi penghalaag dan pengajaran kepada pengeksport-pengeksport yang lain yang ingin menipu serta menjatuhkan nama baik Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengaturkan lebih banyak lawatan trade missions ke luar negeri untuk mendapat pelabur-pelabur yang boleh meningkatkan ekonomi kita dan memasarkan komoditi-komoditi hasil pertanian negara kita yang belum mendapat pasaran antarabangsa yang stabil. Wakil-wakil Perdagangan (Trade Commissioners) kita haruslah lebih aktif dan berhati-hati untuk meyakinkan para pembeli komoditi-komoditi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini mutu sukan di negara kita adalah amat rendah dan tidak stabil. Pemain-pemain kita mahupun dalam permainan yang kita anggap sebagai jaguh, tidak menunjukkan kemajuan dan tidak consistent dalam permainan mereka. Oleh yang demikian, keperluan sukan yang diberi perhatian selaras dengan Dasar Sukan Negara yang telah digubal untuk memajukan prestasi dan penyeertaan sukan ini di peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah amat disanjung tinggi dan dialu-alukaa.

Kerajaan sedang meningkatkan mutu permainan dengan memberi berbagai-bagai insentif seperti mengadakan pemilihan olahragawan dan olahragawati negara dengan memberi wang tunai sebagai hadiah. Beribu-ribu ringgit telah dibelanjakan dan dihadiahkan kepada pemain-pemain kita. Walaupun usaha Kerajaan melaburkan beribu-ribu ringgit dengan tujuan meningkatkan lagi organisasi adalah satu usaha yang disanjung tinggi, saya berharap Kerajaan juga akan mengambil langkah yang positif untuk membaiki dan mengadakan kemudahan-kemudahan sukan, mewujudkan gelanggang-gelanggang permainan ini di seluruh negara, di setiap bandar besar dan kecil agar anak-anak muda kita yang dapat menggunakan kemudahan ini boleh menunjukkan bakat sehingga ke peringkat negeri, negara dan antarabangsa. Wang yang dibelanjakan seperti ini akan menjadi suatu pelaburan yang jangka panjang dan akan memberi manfaat yang diharap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit tentang bidang pendidikan yang memberi penekanan kepada konsep pendidikan bersepadu untuk menemui keperluan negara sekarang dan masa akan datang. Usaha-usaha yang dibuat untuk mempertingkatkan mutu dan

memperluaskan peluang pendidikan dengan melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah mulai tahun ini adalah disanjung tinggi. Dalam aspek ini, saya ingin menyentuh tentang pelaksanaan pengajaran bahasa ibunda di sekolah-sekolah menengah di negara ini. Apabila KBSM dilaksaaakan pada tahun hadapan di sekolah menengah, Kementerian Pendidikan akan menghadapi masalah kekurangan guru untuk mengajar bahasa ibunda iaitu Bahasa Tamil. Kekurangan guru ini akan menjelaskan pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda di sekolah-sekolah menengah di negara ini. Untuk mengatasi masalah ini, saya berharap Kementerian Pendidikan membuat rancangan untuk mengambil lebih banyak guru Bahasa Tamil ke institusi-institusi perguruan dan memberi latihan dalam Bahasa Tamil mulai tahun **ini**. Lebih banyak lagi kelas option Bahasa Tamil hendaklah dibuka di institusi-institusi perguruan di seluruh negara bagi mengajar Bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah,

Selain daripada **ini**, untk menjamin keberkesanan pelajaran dan pembelajaran bahasa ibunda, Bahasa Tamil, seorang penyelia yang berkelayakan dalam Bahasa Tamil hendaklah dilantik di setiap Jabatan Pendidikan Negeri agar ianya dapat menyusun, mengawal dan membantu pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda di sekolah-sekolah menengah di negara ini. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengurangkan red-tape dalam pelaksanaan pengajaran bahasa ibunda di sekolah-sekolah. Pada masa ini sebuah sekolah yang ingin mengajar bahasa ibunda terpaksa mendapat keenaran bertulis daripada sekurang-kurangnya 15 orang ibunda dan hanya selepas itu baru kelas bahasa ibunda boleh dimulakan. Proses ini mengambil masa dan kelas hanya bermula selepas beberapa bulan. Prosedur bagi mendapat tandatangan ini diteruskan setiap tahun, walaupun ibubapa telah memberi consent pada tahun lepas. Ini

adalah satu tindakan yang sia-sia sahaja. Saya bercadang tanda-tangan yaag diambil sekali itu adalah memadai sehingga murid tamat persekolahan, melainkan ia tidak berniat belajar bahasa ibunda lagi. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan menyenangkan prosedur ini agar kelas boleh bermula pada awal-awal tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek pendidikan juga, saya ingin menyentuh sedikit tentang perkara-perkara yang berlaku di Jabatan Pendidikan Negeri Perak dalam gerakan naik pangkat baru-baru ini. Seorang guru yang tidak berkelayakan perguruan Bahasa Tamil telah dilantik menjadi Penyelia Sekolah Tamil Negeri Perak dalam bulan **ini**. Beliau tidak pernah mengajar dalam sekolah Tamil dan bagaimakah boleh beliau menyelia sekolah Tamil Negeri Perak walhal beliau langsung tidak mengajar Bahasa Tamil. Pada tahun 1978 orang ini juga telah dinaikkan pangkat menjadi Guru Besar sebuah sekolah Tamil di negeri Perak, tetapi perlantikan beliau menjadi Guru Besar di sekolah Tamil dibatalkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada masa itu atas sebab beliau tidak mempunyai kelayakan perguruan Bahasa Tamil dan tidak mengajar di sekolah Tamil. Jika pada tahun 1978 beliau tidak sesuai jadi Guru Besar, bagaimakah sekarang beliau sesuai dan layak menjadi Penyelia Sekolah Tamil? Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Pendidikan akan mengambil langkah yang segera untuk membatalkan perlantikan beliau dan melantikkan seorang guru sekolah Tamil menjadi Penyelia Sekolah Tamil agar memberi motivasi dan peluang kenaikan pangkat kepada guru-guru sekolah Tamil Negeri Perak yang amat berkurangan itu.

Di Lain-lain Jabatan Pendidikan Negeri, hanya guru-guru Tamil diberi peluang menjadi Penyelia Sekolah Tamil apabila kekosongan berlaku baru-baru ini. Saya berharap Jabatan Pendidikan Negeri Perak pun akan diarah melantik seorang guru sekolah Tamil menjadi Penyelia Sekolah Tamil Negeri Perak.

Saya juga ingin membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini satu lagi perkara yang dilakukan oleh Jabatan Pendidikan negeri Perak berkaitan dengan kenaikan pangkat ke sekolah-sekolah negeri Perak **itu**. Beberapa orang guru-guru sekolah Inggeris yang tidak mempunyai kelayakan perguruan dalam bahasa Tamil dilantik menjadi Guru Besar dan Penolong Kanan di SRJK (T) negeri Perak. Saya tidak faham kenapa perkara begini boleh berlaku walhal Menteri-menteri. Pelajaran yang lampau telah memberi jaminan bahawa perkara begini tidak akan berulang semenjak tahun 1978. Saya percaya pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan negeri sengaja tidak mahu mematuhi arahan Menteri-menteri Pelajaran yang lampau.

Saya berharap Kementerian akan mengambil tindakan segera menukar Guru-guru Besar dan Penolong Kanan yang terlibat ini ke sekolah-sekolah lain sebelum perkara ini dijadikan isu perkauman oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Kita tidak mahu melihat isu ini dieksplotasi bagi kepentingan sempit ahli-ahli politik yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan terus memberi tumpuan kepada usaha menambah kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air paip, elektrik, jalan raya serta telefon ke arah mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat negara **ini**. Saya ingin membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini nasib segolongan rakyat yang tidak menikmati kemudahan-kemudahan ini dengan sepenuhnya.

Semenjak dipenubuhan sektor perladangan di negara ini Kerajaan telah menganggapkan sebagai, dengan izin, private property, dan tidak mencampurtangan dalam pentadbiran ladang-ladang atau kebijakan

pekerja. Pihak ladang juga menganggap ladang itu sebagai private property mereka. Masing-masing mengambil tahu hal-hal masing-masing sahaja. Pihak ladang memperolehi untung berjuta-juta ringgit tetapi mereka tidak membuat sebarang usaha yang konkrit untuk memperbaiki kemudahan asas bagi pekerja-pekerja mereka di ladang seperti bekalan .

air paip, elektrik, jalan raya, kemudahan kesihatan dan sanitation.

Oleh yang demikian taraf kehidupan pekerja-pekerja ladang adalah sangat, dengan izin, backward. Sebaliknya Kerajaan juga memperolehi hasil berjuta-juta ringgit daripada cukai eksport hasil perladangan ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan beberapa langkah bagi mempertingkatkan lagi kehidupan penduduk-penduduk di ladang.

Kerajaan hendaklah membuat peraturan untuk mengiktiraf penduduk ladang sebagai kumpulan kemiskinan, dengan izin, poverty group, dan memaksa pihak ladang-ladang mereservekan atau memperuntukkan sebahagian tanah ladang itu bagi tujuan menubuhkan kamping baru atau kampung baru ladang. Dengan pengiktirafan kampung baru ini Kerajaan juga boleh membawa beberapa perubahan dalam kemudahan infrastruktur beri ladang-ladang tersebut. bagi ladang juga hendaklah dipaksa memberi ~~kemudahan-kemudahan asas yang perlu.~~ **Dengan cara ini** penduduk-penduduk itu akan dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna dan selesa.

Tuau Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang kempen Setia Bersama Rakyat atau SEMARAK yang dilancarkan secara besar-besaran baru-baru ini. Tujuan dan objektif kempen SEMARAK ini adalah mewujudkan kerjasama dan solidarity di antara rakyat demi kepentingan negara. SEMARAK juga bertujuan mewujudkan

kerjasama dua hala di antara pemimpin dan rakyat. Untuk mewujudkan kerjasama demi begini beberapa kempen sedang diatur di beberapa negeri seluruh Malaysia. Kebanyakan kempen yang di atur ini adalah di kampung-kampung yang kebanyakannya penduduknya terdiri daripada kaum bumiputera sahaja.

Saya berharap pihak-pihak yang menganjurkan kempen SEMARAK Ini mengambil inisiatif untuk melancarkan kempen SEMARAK begini di kampung-kampung baru dan di ladang-ladang di mana penduduknya majoriti kampung Cina atau kaum India. Dengan adanya kempen begini rakyat di semua lapisan dapat menceburi dalam kempen begini untuk ~~tidak menghapuskan masalah polarisasi kaum dan mewujudkan sebuah negara yang bersatu-padu, aman dan maju.~~

Dengan harapan yang murni ini sekali lagi saya menyokong Usul merakamkan sembah menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di—Pertua: Sekarang kita memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat kaum wanita. Dipersilakan Yang Berhormat **Puan Law Jack Yoon.**

5.35 ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yaag di-Pertuan Agong pada 7hb Mac yang lalu yang merangkumi semua aspek hidup dalam masyarakat dan negara yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita telah tahu bahawa perpaduan merupakan asas bagi kekuatan negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama. Sekiranya perpaduan tidak wujud, maka keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang telah kita bina selama ini akan musaah.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan **itu**, saya juga ingin menyentuh tentang **peri** pentingnya muhibah di negara kita. Malaysia adalah sebuah negara muda yang, sedang membangun dari semua segi, ekonomi, politik dan sosial di bawah pimpinan pemimpin-pemimpin yang berdedikasi dan berkalibar. Negara kita bertambah makmur dan majU dari satu maaa ke satu masa. Rakyat dapat menikmati kebahagian hidup akan tetapi beberapa peristiwa yang berlaku baru-baru ini telah menunjukkan keselamatan negara terancam, Adalah menjadi tanggungjawab setiap warganegara untuk mengekalkan keadaan aman damai yang terdapat di negara tercinta **ini**. Pemimpin yang bijaksana tidak mencukupi bagi menjamin kemakmuran yang berkekalan jika rakyat sekalian tidak bersatu-padu tetapi sering menimbulkan syak wasangka di antara satu sama lain.

Justeru itu muhibah dan perpaduan kaum sangat penting bagi negara Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang kaum, berbilang bahasa, kebudayaan dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu muhibah sangat besar erti ny kepada penduduk-penduduk negara **ini**. Perkataan muhibah membawa erti berbaik-baik antara satu sama lain, penuh dengan perasaan harmoni dan toleransi, tolong menolong dan hidup dalam semangat perpaduan

Sejak peristiwa yang menyediakan pada bulan Mei, 1969 kita semua sedar akan peri mustahaknya muhibah dan perpaduan di kalangan rakyat. Kita juga sedar dalam keadaan kemelesetan ekonomi ini negara kita tidak mampu msnghadapi masalah-masalah seumpama ini lagi. Jadi, tanpa muhibah dan perpaduan, pembelaan negara akan kehilangan asas yang kukuh. Tetapi adalah tidak memadai setakat menyebut perkataan muhibah sahaja, sebagai rakyat yang benar-benar jujur dan taat setia kepada negara, segala tindak-tanduk kita haruslah secucuk dengan semangat dan cita-cita yang terkandung dalam perkataan ini. Dalam segi masyarakat berbilang bangsa, semangat dan cita-cita muhibah mesti diamalkan dalam erti kata yang sebenarnya. ini bermakna rakyat sekalian harus tololong menolong antara satu sama lain dalam semua aspek, sentiasa berbaik-baik antara satu sama lain dan saling memahami kebudayaan masing-masing. Perasaan muhibah dapat dijalinkan andai kata rakyat sentiasa bergaul rapat tanpa sebarang prasangka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melahirkan muhibah dan perpaduan kaum, saya berpendapat langkah-langkah berikut boleh diambil. Langkah melancarkan gerakan 'Cintailah Bahasa Kita' adalah wajar dan kena pada tempatnya.

Ini adalah kerana Bahasa Malaysia yang merupakan jambatan perhubungan rakyat berbilang bangsa dapat melenyapkan perselisihan faham dan prasangka di kalangan rakyat.

Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara adalah satu langkah yang bijak dengan cita-cita yang murni. Akan tetapi Jabatan tersebut haruslah lebih giat dan cergas dalam menjalankan tugasnya. Melalui minggu muhibah khas, perpaduan dan lain-lain kegiatan anjuran Jabatan tersebut rakyat akan sedar tentang kepentingan muhibah dan perpaduan kaum. "Bersatu Teguh, Bercerai Roboh" wajib dijadikan semboyan dalam amalan pada setiap masa oleh setiap rakyat.

Belia dari latar belakang yang berlainan patut digalakkan untuk menceburkan diri dalam persatuan-persatuan atau kelab-kelab yang bukan bercorak perkauman. Itu memberi peluang keemasan kepada mereka supaya bergaul mesra antara satu sama lain, bertukar buah fikiran, berbincang dan saling memahami.

Permainan yaag bercorak sekum patut ditukar corak dan dijadikan permainan berbagai kaum. Misalnya, kaum bumiputra harus digalakkan bermain bola pingpong, bola keranjang, taici dan kungfu. Sementara kaum bukan bumiputra pula harus digalakkan bermain sepak takraw dan silat.

Dengan itu generasi muda berbagai kaum akan senang bergaul dan bermuhibah dan berbaik di antara satu sama lain. Masalah kebudayaan adalah ruyung yang sukar dipecahkan kerana masing-masing kebudayaan adalah berbeza dan kadang-kadang pula bercanggah.

Bagi mengatasi masalah demikian, adalah baik jika tiap-tiap kaum cuba memahami unsur-unsur kebudayaan kaum lain sama ada dengan mempelajari unsur-unsur itu dengan bergaul rapat serta memahami unsur yang sedemikian secara langsung dan secara lebih dekat.

Inilah satu-satunya jalan yang boleh menunjukkan muhibah. Saya berharap kita mesti kikiskan amalan yang cuba mengagung-agungkan kebudayaan kaum masing-masing dan mengenepikan kebudayaan kaum-kaum lain.

Selain daripada **itu**, setiap rakyat harus menghormati serta memahami segala lambang kebesaran dan kemegahan negara yang **berdaulat** seperti Bendera, Lagu Kebangsaan, Raja-raja, Perlembagaan dan Rukunegara. Bila semua penghormatan dan pemahaman ditumpukan ke arah **ini**, semua rakyat akan mempunyai semangat, cita-cita dan rasa taat setia yang bersama. Dengan itu akan lahirlah muhibah dan perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, berbandiag dengan lain-lain negara di rantau **ini**, negara kita mempunyai beberapa keistimewaan yang boleh dijadikan kemegahan dan kebanggaan setiap rakyat Malaysia. Antaranya ialah kekayaan alam semula jadi dan kestabilan politik. Kesemua ini menjadikan negara kita aman dan makmur. Sepatutnyalah kita sebagai rakyat yang taat setia harus berusaha dan berikhtiar sedaya upaya bagi mengabadikan apa yang kita miliki serta mempertingkatkan dan mencapai aspirasi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya sertai dengan serangkap bahasa irama seperti berikut:

Melayu, Cina dan India, wahai semua rakyat Malaysia,

Muhibah dan taat setia, membina negara, makmur bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raginda Yang di-Pertuan Agong yang kita sayangi dan kasih memerintah negara kita, negara kita telah bertambah maju, aman dan makmur. Baginda merupakan Yang di-Pertuan Agong yang adil dan telah memerintah negara kita atas dasar dan corak sebuah masyarakat yang berbilang kaum dan ugama.

Dalam Titah Ucapan Baginda, Baginda telah menitikberatkan nilai-nilai mulia seperti kejujuran, dedikasi, bertanggungjawab, bertimbang rasa dan amanah.

Kita sebagai pemimpin dan rakyat Malaysia juga berpegangteguh kepada nilai-nilai seperti yang dilafaskan oleh Baginda. Walau bagimanapun, sebagai seorang wanita, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan pentingnya peranan kaum wanita yang menjadi separuh daripada keseluruhan penduduk negara membantu dan menyumbangkan tenaga ke arah pencapaian perpaduan nasional dan keanamanan, kestabilan dan kemakmuran negara yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman moden **ini**, kaum wanita tidak lagi menjadi seorang suri rumahtangga sahaja di samping memelihara kebahagiaan rumahtangga serta menjadi seorang ahli pendidik asas untuk mencorakkan generasi negara masa depan.

Kaum wanita telah menunjukkan kebolehan dan kebijaksanaannya, mereka berganding bahu dan bekerjasama dengan kaum lelaki menyumbangkan tenaga untuk kesejahteraan, perpaduan, kemakmuran dan kemajuan masyarakat, bangsa dan negara.

Selain daripada menjadi guru, jururawat dan kerani, kaum wanita telah secara cergasnya memasuki bidang-bidang yang biasa dianggap sebagai bidang khas untuk Lelaki seperti menjadi doktor, peguam dan jurutera. Mereka juga menceburkan diri dengan aktifnya dalam

bidang politik seperti menjadi Ahli Parlimen, Senator, Timbalan Menteri dan Menteri. Dalam bidang pengurusan dan perniagaan tidak kurang juga bilangan wanita yang menjadi eksekutif dan pengurus syarikat. Wanita telah menerima cabaran zaman dan membuktikan bahawa kebolehan dan kecekapan mereka tidak sekalipun kurang daripada kaum lelaki. Aktivi-aktiviti ini menimbulkan lagi satu beban dan tanggungjawab baru kepada kaum wanita memupuk perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, tangan yang menghayun buayan itu boleh menggoncangkan dunia. Sebagai seorang wakil kaum wanita, saya merasa amat bangga dan berani menyatakan bahawa semua anggota masyarakat adalah terlebih dahulu diasuh secara rohani dan jasmani oleh kaum wanita iaitu ibu mereka masing-masing. Oleh **itu**, peranan yang dimainkan oleh kaum wanita dalam mewujudkan perpaduan adalah sama pentingnya dengan kaum lelaki, tetapi peranan yang penting tidak bermakna kaum wanita dititikberatkan atau dipandang tinggi oleh masyarakat.

Ramai wanita menjadi mangsa rogol dan gadis-gadis hilang. Bukan sahaja kes-kes merogol meningkat setiap tahun, bahkan jumlah mangsa rogol yang kena bunuh turut bertambah. Apatah lagi ramai di antara mangsa-mangsa oleh kerana ma atau tekanan sosial tidak melaporkan kejadiannya kepada pihak Polis.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu beberapa undang-undang negara juga memberi layanan yang tidak adil atau kurang lengkap perlindungannya terhadap kaum wanita, Undang-undang ini yang difikirkan perlu diberi perhatian serta tindakan segera diambil. Di sini saya ingin membawa kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang ketidaksamaan hak yang ditonjolkah dalam Akta Pembahagian Harta 1958. Akta ini menetapkan supaya:

- (a) sekiranya seorang perempuan meninggal dunia tanpa wasiat tetapi mempunyai seorang suami, maka keseluruhan hartanya diwarisi oleh suami; dan
- (b) manakala sekiranya seorang lelaki meninggal dunia tanpa wasiat, tetapi mempunyai seorang isteri dan anak, maka isterinya berhak mewarisi $\frac{1}{3}$ daripada harta suaminya dan jika beliau mempunyai seorang isteri dan tidak mempunyai anak, maka isterinya akan mewarisi setengah daripada hartanya.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah ini merupakan satu diskriminasi kepada kaum wanita? Saya berpendapat besar kemungkinannya undang-undang seperti ini dibuat oleh kaum lelaki atau mereka yang tidak sayang kepada isteri mereka, [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, Akta Jagaan Anak-anak 1961; Akta ini setakat hari ini hanya memberi kuasa penjagaan kepada si bapa dan si ibu tidak mempunyai apa-apa kuasa di sisi undang-undang untuk menentukan hak anaknya. Ini jelas menunjukkan diskriminasi terhadap kaum wanita kerana seseorang anak adalah hak milik atau cahayamata kepada kedua-dua bapa dan ibu. Oleh itu pihak ibu juga harus diberi hak jagaan anak di sisi undang-undang bagi membolehkannya membuat

keputusan bagi si anak, misalnya untuk menandatangani dokumen-dokumen undang-undang seperti; mengambil pasport. Dengan pindaan **ini**, kedua-dua ibu dan bapa bolehlah mempunyai kuasa yang sama bagi menentukan hak-hak anak mereka terutama bagi kes-kes di mana bapa si anak tidak dapat dikesan.

Dalam perkara ini, saya berharap Kerajaan dapat mengambil perhatian yaag segera ke atasnya supaya kaum lelaki dan perempuan di negara ini bersama-sama dapat menikmati kesamaan hak, peluang tanpa sebarang diskriminasi jantina.

Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang

di Pertuan Agong dalam ucapan yang diadakan pada 7hb Mac yang lalu dengan harapan supaya apa yang disarankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini menjadi satu pegangan dan perjalanan bagi Kerajaan Malaysia kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator **Tiong Hew Cheng**:

5.05 ptg.

Tuan Tiong Hew Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh pada 7hb Mac, 1988 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ringkas dan padat **itu**, kita sekali lagi diperingatkan akan tanggungjawab bersama

kita untuk terus berusaha ke arah membina, memelihara, mempertahankan dan mengekalkan sebuah negara yang teguh, berharmoni, stabil, maju dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, amat tepatlah Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa ekonomi sesebuah negara tidak akan berkembang jika kestabilan politik tergugat dan mengancam kegiatan harian rakyat. Ketika keadaan ekonomi negara beransur pulih dan Kerajaan kita juga sudah mengambil berbagai langkah untuk memperbaiki iklim pelaburan demi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih cepat, maka bagi semua pihak, iaitu pemimpin-pemimpin politik, pemimpin-pemimpin masyarakat hingga rakyat jelata menjamin dan mempertahankan kestabilan politik adalah suatu tugas, suatu kewajipan, suatu tanggungjawab yang harus dilakukan dan dipenuhi. Sekiranya kestabilan politik negara tergugat, pengusaha-pengusaha dalam negeri mahupun pelabur-pelabur asing tentulah akan ragu dan bimbang akan pelaburan semula atau pelaburan baru di negara kita, bahkan pelabur-pelabur asing akan bertukar hatuannya dan pergi melabur di negara-negara membangun lainnya di Asia Tenggara. Jikalau berlaku demikian halnya, segala usaha Kerajaan kita akan menjadi sia-sia belaka.

Perkembangan ekonomi negara akan terjejas, lembab dan lambat, dengan izin, slow down, Akibatnya siapa rugi? Rakyat kita sendiri yang akan menderita.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Kebawah Duli telah memperingatkan semua rakyat yang cintakan keamanan tentulah termasuk juga pemimpin-pemimpin politik serta sesiapa jua yang berpengaruh di

kalangan berbagai komuniti supaya memastikan tidak ada sebarang tindakan dilakukan sama ada secara berkumpulan atau individu yang boleh mengancam kestabilan politik yang berterusan dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini menyatakan rasa kesal melihat tindakan-tindakan setengah pemimpin politik atau masyarakat yang tidak bertanggung-jawab itu. Mereka ini sengaja mengambil kesempatan menangguk di air keruh dengan membangkitkan isu-isu sensitif. Dengan kata lain, mereka berbuat demikian semata-mata untuk memburu undi-undi atau mendapat sokongan tanpa mengira atau menghiraukan kesan dan akibat daripada perbuatan mereka ini.

Pada hakikatnya perbuatan mereka sedemikian telah menjelaskan perpaduan negara, menggugat serta mengancam kestabilan politik negara kita. Jadi amat wajarlah bagi Kebawah Duli bertitah memperingatkan kita semua supaya bersikap bertanggungjawab dan sederhana dalam semua tindakan dan kenyataan kita. Maka kita semua tidak kira keturunan kita, apa pangkatnya, tinggi atau rendah tidak kira miskin atau kaya harus memahami erti Titah Ucapan Kebawah Duli dan sentiasa menjalankan tanggungjawab kita bersama untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat untuk memastikan terjaminnya dan mempertahankan kestabilan politik negara yang menjadi syarat mutlak bagi pembangunan dan kemajuan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, syukurlah bahawa Kerajaan Barisan Nasional kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad pada saat genting ini dengan izin, at this critical moment, telahpun mengambil tindakan tegas untuk mencegah keadaan yang tidak diingini itu dari bertambah buruk lagi atau dari merebak. Itu adalah perlu dan sesuai kerana sepihiknya yang telah saya sebutkan tadi kestabilan politik dan perpaduan negara adalah asas kepada pembangunan, kemajuan dan kemakmuran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Kebawah Duli pun menyentuh tentang perlunya sumbangan sektor swasta bagi memulihkan pertumbuhan ekonomi negara serta mempertingkatkan prestasi dan produktiviti. Tidak dapat dinafikan iaitu sektor swasta adalah pelupur bagi perkembangan dan pertumbuhan ekonomi di dalam masyarakat **laissez faire**, dengan izin. Setakat manakah sektor swasta mengambil bahagian dalam atau digalakkan menyertai usaha memulihkan pertumbuhan ekonomi negara akan menentukan sejauh manakah prestasinya

boleh dicapai. Kita pun harus meyakini keikhlasan niat Kerajaan kita dalam usahanya meningkatkan kemakmuran ekonomi dan memelihara kesejahteraan rakyat kita. Kerana kita boleh melihat dari langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan iaitu mengubahsuai dasar pelaburan.

Dengan melonggar syarat pelaburan, menghapuskan cukai keuntungan berlebihan syarikat serta langkah lain yang berkaitan dengan ekonomi, maka sektor swasta kita seharusnya berhasrat untuk membuat kemajuan menyertai atau menceburi ke dalam kegiatan-kegiatan secara lebih positif dan giat di bidang-bidang pembangunan ekonomi.

Namun demikian, kita mesti berharap bahawa Kerajaan akan terus dan sentiasa mengkaji semula prestasi yang kita capai dari masa ke semasa menggubal dasar-dasar atau langkah-langkah yang tidak sesuai dan boleh menghalang pertumbuhan ekonomi kita supaya pertumbuhan dan pemulihan ekonomi dapat diperbesarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya juga ingin menyentuh tentang soal perdagangan dan hala Malaysia dan China. Sukacitalah kita mendapat tahu bahawa Kerajaan akan menandatangani persetujuan perdagangan dua hala dengan negeri China. Perkara ini telah ditangguhkan buat sekian lama. Walaupun demikian ianya masih tidak terlambat. Dengan penandatanganan persetujuan ini antara kedua-dua buah Kerajaan semoga perdagangan dua hala boleh dipertingkatkan bagi faedah dan kesejahteraan rakyat kedua-dua pihak di masa hadapan.

Untuk menggalakkan dan mempertingkatkan perdagangan dua hala itu saya berpendapat dan ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajan boleh menimbang semula dari melonggarkan syarat supaya

rakyat kedua-dua negeri terutamanya peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha dapat melawat serta berbalas-balasan perhubungan serta menjalankan kegiatan perdagangan secara bebas. Dengan itu saya hendak mencadangkan sebagai langkah pertama, sesiapa atau mana-mana syarikat yang ada atau akan mengadakan perhubungan perdagangan di antara satu dengan lain di kedua-dua negara boleh mendaftarkan diri dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian atau Kementerian berkenaan dan diberi kebebasan keluar masuk kedua-dua negara. Langkah ini juga secukup dengan dasar luar negeri kita yang mengutamakaa perhubungan dengan negara-negara Asia dalam hubungan kerjasama. Semoga cadangan saya ini dapat diberi pertimbangan yang se-wajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak mengenai Bahasa Malaysia. Kita boleh berkata bahawa rakyat berbilang kaum kita semua cintai Bahasa Kebangsaan kita. Semua pemuda-pemudi khususnya murid-murid dari berbagai kaum berusaha mempelajari, menguasai Bahasa Kebangsaan dengan bersungguh-sungguh kecuali orang-orang tua tertentu yang mungkin berasa agak susah untuk menguasainya. Dengan usaha bersama Kerajaan dan rakyat generasi muda kita akan boleh memahami dan menguasai Bahasa Kebangsaan baik membaca, menulis atau bertutur dengan fasih. Dan kerap kali menyeru warganegara keturunan Tionghua berusaha bersungguh-sungguh mempelajari dan menguasainya kerana Bahasa Kebangsaan adalah satu lambang negara kita, satu ciri dan identiti tersendiri negara dan bangsa kita. Maka sambutan dari masyarakat Tionghua sangat menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu ada setengah-setengah Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan bahawa Bahasa Malaysia digunakan di mana-mana mahkamah dalam perbicaraan. Pada hemat saya Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi harus digunakan di dalam segala urusan pemerintahan atau pentadbiran Kerajaan termasuk urusan-urusan perbicaraan dalam mana-mana mahkamah.

Kita semua termasuk pegawai-pegawai Kerajaan, Peguamcara dan Peguambela serta rakyat jelata harus berusaha menggunakan bahasa kebangsaan dalam penulisan, surat menyurat dan pertuturan. Tetapi ada satu masalah kita harus menyelidiki terlebih dahulu iaitu setakat ini apakah peguam-peguam kita sudah dapat menguasai Bahasa Kebangsaan dan bertutur dengan fasih? Apakah sudah boleh menyampaikan dan mempersempahkan hujah-hujah mereka dalam perbicaraan di mahkamah?

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini saya terasa lebih cenderung untuk mempersetujui dengan pendapat Yang Berbahagia **Dato Peter Mouny**, Naib Presiden Majlis Perkhidmatan Peguam atau dengan izin, The Bar Council. Menurut beliau penggunaan Bahasa Malaysia di dalam mahkamah tidak dapat dilaksanakan over-night, dengan izin. Sebabnya ialah:-

- (1) kebanyakan Peguambela adalah terlatih dan terdidik di dalam pelajaran undang-undang melalui perantaraan bahasa Inggeris. Mereka itu walaupun telah berusaha menguasai penggunaan Bahasa Malaysia tetapi setakat ini masih belum mahir atau cekap dalam bahasa itu.
- (2) kebanyakan laporan undang-undang ditulis atau dibuat dalam bahasa Inggeris selama ini. Dan dengan itu akan memerlukan masa untuk diterjemahkan ke Bahasa Malaysia.

Lagi pun **istilah-istilah** undang-undang yang sudah ada atau sudah kita ciptakan dalam Bahasa Malaysia belum lagi mencukupi atau memadai untuk menerangkan sesuatu dengan tepatnya. Kebanyakan undang-undang kita masih belum ada persamaannya dalam Bahasa Malaysia. Dengan kesulitan tersebut jika mereka terpaksa mempersebahkan hujah-hujah mereka dalam bahasa yaug mereka belum mempunyai pengetahuan yang cukup itu maka tentulah mereka tidak dapat memainkan peranannya dengan baik dalam perbicaraan, Oleh yang demikian, saya berpendapat kurang adil dan kurang Cepatlah tuduhan seseorang Ahli Yang Berhormat bahawa Bar Council, dengan **izin**, tidak berusaha bersungguh-sungguh membuat atau menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar dalam mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk menyelesaikan masalah tersebut, saya berharap Kerajaan khususnya Jabatan Kehakiman mengadakan perundingan dan perbincangan dengan Majlis Peguam itu untuk mencari jalan atau ikhtiar terutamanya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak menyentuh sedikit sebanyak tentang soal pendidikan terutama pendidikan universiti di bidang perubatan. Kita tahu di Sarawak masih berkurangan doktor-doktor. Untuk mengatasi kekurangan **itu**, saya memohon kepada Kerajaan supaya menambahkan jumlah pengambilan penuntut yaag layak dari negeri Sarawak setiap tahun ke universiti-universiti tempatan di Semenanjung untuk mengikuti kursus perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merafakkan sembah menjunjung kasih kepada Titah Ucapan Kebawah Duli. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan **Valli Muthusamy**.

6.13 ptg.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua dan AhLi-ahli Yang Berhormat:, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dengan ikhlas hati ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda atas Titah Baginda yang dinamis dan sangat progresif.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah menyentuh atas banyak topik dan hal negara dan telah memberi nasihat dan tunjuk ajar yang sangat berharga. Penerimaan nasihat dan tunjuk ajar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda akan menjadikan negara ini sebuah negara yang kuat dan kukuh. Masyarakat negara harus bersyukur untuk Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda **itu**.

Di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Baginda telah menyatakan bahawa perpaduan adalah asas untuk mewujudkan sebuah negara yang teguh. Saya dengan segala hormatnya setuju dengan nasihat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda **itu**. Di tahap ini saya meminta Kerajaan supaya memupuk perpaduan dan kerjasama antara kaum dengan mengambil tindakan yang tegas ke arah ini. Kecurigaan dan kebimbangan tidak harus timbul dalam mana-mana perkara mahupun dari segi pekerjaan, pendidikan, pembangunan, kebudayaan atau aktiviti-aktiviti agama.

Tindakan harus diambil untuk menghormati hak-hak bahasa dan adat kebangsaan bagi semua kaum. Kemajuan dan kemakmuran negara ini bergantung kepada perpaduan di kalangan bangsa dan saya meminta agar Kerajaan mengambil tindakan yang cegah terhadap sesiapa yang cuba merosakkan kebudayaan, keamanan dan keseimbangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai pendidikan, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah meminta agar mutu ditingkatkan dan meluaskan kesempatan pendidikan. Di tahap ini saya ingin menarik perhatian semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa lebih kurang 60,000 pelajar-pelajar kita menuntut di luar negeri. Kerajaan harus menimbang semula dan mengkaji mengapa sebilangan besar pelajar-pelajar kita pergi ke luar negeri. Pada pendapat saya kesempatan tidak diberi kepada pelajar-pelajar ini untuk meneruskan kursus ijazah pertama dan pendidikan menengah di luar negeri. Negara kita mengalami kerugian lebih dari \$1 billion dalam bentuk penukaran wang luar negeri secara langsung dan tidak langsung. Hanya siswazah yang telah memperolehi ijazah tinggi dan yang ingin meneruskan pelajaran harus dibenarkan pergi ke luar negeri. Kerajaan harus mendirikan lebih banyak universiti-universiti tempatan untuk membalikkan tabiat ini dan menjimatkan pertukaran wang asing yang berharga. Ini juga akan menghasilkan lebih kesempatan pekerjaan kepada masyarakat kita.

Bahasa Malaysia adalah Bahasa Jiwa Bangsa, maka semua bilangan masyarakat harus berjuang untuk meningkatkan kefasihan dan pembangunan. Di sini saya ingin menunjukkan bahawa pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Tamil adalah seperti berikut:-

Tahun	Minit seminggu
I.	270
II	270
III	210
IV	150
V	150
VI	150

Butir-butir ini telah diberikan kepada saya oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan kepada salah satu daripada soalan-soalan saya.

Apabila tahun-tahun berlalu, masa pengajaran Bahasa Malaysia pun berkurangan. Semua matapelajaran lain di Sekolah-sekolah Tamil diajar dalam Bahasa Tamil. Dengan demikian adalah jelas bahawa pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Tamil tidak mendapat kesempatan yang sama dengan pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Kebangsaan untuk mempelajari Bahasa Malaysia.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan mutu dan kefasihan Bahasa Malaysia di kalangan masyarakat bukan bumiputera.

Saya mengucapkan tahniah kepada usaha ini tetapi saya tidak puas hati dengan pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Tamil kerana kegagalan pelajar-pelajar adalah tinggi di Sekolah-sekolah Tamil disebabkan ketidakfasihan mereka dalam Bahasa Malaysia.

Saya meminta agar Kerajaan menggandakan masa pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Tamil atau pengajaran matapelajaran lain dalam Bahasa Malaysia dipertimbangkan.

Sekali lagi saya menyokong Usul merakamkan sembah menjunjung kasih Kebawah Duli Tuanku. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat **Tuan Krishnan.**

6.20 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong Usul mengucapkan junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Di-Raja Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya ini, saya ingin menyentuh mengenai Kertas Putih berkaitan dengan keselamatan dalam negeri. Keterangan yang terkandung dalam Kertas Putih itu seharusnya menyedarkan kita bahawa perbezaan kulit dan agama tidak harus dijadikan isu dalam mana-mana debate, sama ada secara jenaka atau sebaliknya. Dalam masyarakat kira kerja mengeksplorasikan isu sensitif sering dijadikan asas menjadi pengaruh, terutamanya di kalangan politik. Ada beberapa soalan yang berkait rapat dengan perkara mengeksplorasikan isu-isu sensitif seperti yang disebut dala Kertas Putih itu yang memerlukan jawapan. Saya ingin bertanya apakah semua pihak yang terbabit dalam memanaskan suasana dalam negara tahun lalu (1987) sudah sedar betapa buruknya tindakan mereka. Apakah mereka akan berhenti di sini atau mencari helah baru untuk menimbulkah isu-isu berkenaan sekali lagi?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini saya ingin menegaskan bahawa pihak yang berkenaan hendaklah berhati-hati bahawa menaikkan perasaan marah, cemburu dan dengki ini boleh mematikan unsur-unsur keyakinan berbagai kaum. Saya menyeru kepada anasir-anasir yang kurang bertanggungjawab janganlah memperjudikan keselamatan negara dan kedamaian hari ini mencari huru-hara dan pertumpahan darah. Tenaga dan kepintaran membelit yang mengeruhkan

suasana dalam masyarakat tahun lalu perlu digunakan sekarang terhadap pimpinan masyarakat yang kukuh, setia dan sepakat. Kita mahu melihat anak Melayu, Cina, India dan bangsa-bangsa lain hidup dalam aman, tenteram tanpa prasangka. Sehubungan **itu**, kita mahu melihat masyarakat majmuk dibimbing ke arah persefahaman dan keharmonian yang berkekalan. Tidak ada gunanya pemimpin kita melaung-laungkan pembangunan negara dan mengajar meningkatkan produktiviti jika rakyat tidak sepakat membantu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad di berbagai mesyuarat dan perjumpaan telah menyeru berapa pentingnya sikap toleransi antara kaum. Beliau telahpun menjelaskan bahawa hak-hak berbilang kaum hendaklah dihormati. Sikap tolak-ansur dan memahami adat resam kaum lain hendaklah diambil perhatian. Kita mesti mengamalkan sifat-sifat toleransi bagi mengelakkan ketegangan kaum. Menurut Perdana Menteri, para pelabur asing akan lari, manakala peagangguran pula akan meningkat jika rakyat berbilang kaum memilih untuk **bersengketa** antara satu sama lain.

Sepertimana yang ditegaskan oleh Perdana Menteri untuk mengelakkan ketegangan kaum, kita mesti memahami adat resam kaum lain dan mengamalkan sifat-sifat toleransi. Ulasan Perdana Menteri ini disambut baik dan gembira oleh rakyat, khususnya golongan bukan Melayu. Janganlah menyakitkan perasaan kaum, ini adalah azam baru dan resolusi tahun baru para ahli politik di dalam dan di luar Parlimen hendaklah mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Parti MIC adalah suara politik kaum India di negara ini. Parti kita menganjurkan perjuangan yang mengambil jalan sederhana. Kami tidak bersetuju dengan perjuangan yang keterlaluan atau melampau. Parti MIC 'committed', dengan izin, ke landasan sederhana yang berpegang kepada persetujuan merdeka tahun 1957. Seperti parti komponen lain, MIC secara terbuka mempertahankan hak-hak istimewa orang Melayu apabila ada pemimpin bukan Melayu mencabar hak itu dan juga kami tidak bersikap membisu apabila hak-hak bukan Melayu dicabar oleh para politik lain. Kami menghargai uhan Barisan Nasional kerana ia memperjuangkan konsep Parlimen yang berbilang kaum. Baru-baru ini apabila kestabilan Barisan Nasional diuji berikutan dengan perisytiharan UMNO tidak sah, seperti parti komponen lain, kami wakil MIC seramai 12 orang berdiri teguh di belakang Barisan Nasional dan Ketua Kerajaan kita, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad atas arahan pemimpin kami, Yang Berhormat Dato Samy Vellu. Segala tindakan yang diambil oleh parti, komponen seperti MIC dan MCA disanjung tinggi oleh para pemimpin UMNO di beberapa peringkat. Saya suka menegaskan aspek ini di sini, kedua-dua parti masih menghargai semangat Perikatan yang menjadi asas untuk memperjuangkan kemerdekaan kita. Hasil kerjasama politik di antara Melayu dan bukan Melayu telah membolehkan Malaysia menikmati kestabilan dalam serba-serbi. Tuan Yang di-Pertua, inilah falsafah politik MIC yang mewakili kaum majoriti kita dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita hanya pernah menganggotai Majlis Keselamatan Baugsa-bangsa Bersatu untuk satu tempoh sahaja, itupun secara berkongsi dengan negara Czekoslavakia pada tahun 1965. Kami mempunyai alasan yang baik untuk bersaing dengan negara

Bangladesh bagi menggantikan Jepun yang akan kita tempohnya akhir tahun **ini**. Diharap negara kita memenangi kerusi ini sebagai satu status dunia bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Dasar Luar Negara kita bahawa kawasan Antartika kekal menjadi warisan manusia sejagat. Punca-punca kekayaan ini hendaklah dibenarkan dinikmati oleh masyarakat dunia. Sehubungan itu, saya bersetuju dengan cadangan Malaysia supaya Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dijemput sama menghadiri mesyuarat parti perunding perjanjian ATCA Antartika.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa di Sri Lanka dari segi keperimanusian rakyat Malaysia berbahasa Tamil berasa kecil hati dengan apa yang berlaku di Sri Lanka. Diharap Kerajaan India dan Sri Lanka akan memberhentikan pengorbanan jiwa secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, dari lebih kurang 440 sekolah-sekolah aliran Tamil di Malaysia kebanyakannya adalah digelar sebagai sekolah-sekolah bantuan modal. Dengan itu, Kementerian Pendidikan hanya memberi sebahagian daripada wang modal yang perlu untuk membina darjah-darjah yang perlu untuk menambah ruang **biiik** darjah atau mengganti bangunan yang buruk. Juga, Kementerian Pendidikan tidak memberi bantuan yang bermakna untuk membeli kelengkapan-kelengkapan seperti kerusi-meja dan sebagainya ataupun mengganti kerusi-meja yang telahpun rosak. Tambah lagi, penyelenggaraan sekolah-sekolah itu tidak juga dibiayai dengan secukupnya oleh Kementerian Pendidikan. Pada amnya, masyarakat keturunan India dan Persatuan-persatuan

Ibubapa dan Guru-guru diminta untuk menanggung semua perbelanjaan seperti ini, tetapi malangnya masyarakat di estet-estet ataupun di kawasan-kawasan mundur di mana terletaknya sekolah-sekolah Tamil tidak mampu mengutip atau mengadakan tabung wang yang besar untuk hal-hal ini. Dengan itu

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf, kerana masa sudah cukup, Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Tuan C. Krishaan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang hari esok,.Selasa, 29hbMac, 1988.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.